

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

MAIMUNAH BINTI AHMAD,

MENGENAI PERJALANAN HIDUP BELIAU SEBELUM DAN SELEPAS MENJADI ARTIS

NURUL ATHIRAH AMNI BINTI AZHAR

(2020899534)

NUR HIDAYAH BINTI ABDUL RASHID

(2020465142)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER-FEBRUARI 2021

**PENGALAMAN PUAN HAJAH MAIMUNAH BINTI HAJI AHMAD SEBAGAI
PELAKON VETERAN ERA 80-AN**

Nurul Athirah Amni binti Azhar (2020899534)

Nur Hidayah Binti Abdul Rashid (2020465142)

Fakulti Pengurusan Maklumat,

UiTM Johor Kampus Segamat,

KM 12, Jalan Muar,85000 Segamat, Johor.

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan pelakon veteran era 80-an iaitu Puan Hajah Maimunah binti Haji Ahmad. Rata-rata masyarakat tidak tahu akan pahit getir perjalanan seorang anak seni dalam dunia lakonan. Selain mengupas latar belakang tokoh, sejarah lisan ini turut bertujuan untuk mengkaji kehidupan artis veteran ini dalam meneruskan kerjaya sebagai pelakon. Selain itu juga, kajian lisan ini adalah untuk menambah koleksi pendokumentasian sejarah lisan artis veteran yang dipilih sebagai sumber rujukan akan datang. Melalui projek sejarah lisan ini, diharapkan masyarakat luar terutamanya generasi akan datang akan mengenali artis veteran yang pernah mengegarkan dunia seni lakonan.

Kata kunci: Mak Jah, Maimunah Ahmad, Seni lakonan, Pelakon, Artis veteran.

PENGHARGAAN



Assalamualaikum W.B.T

Alhamdulillah, bersyukur kami ke hadrat ilahi kerana dengan jayanya saya dan rakan saya telah berjaya menyiapkan tugas yang telah diberikan iaitu temubual bersama tokoh atau artis veteran, bagi subjek sejarah lisan, IMR 604.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Maimunah Ahmad atau lebih dikenali sebagai Mak Jah. Hal ini kerana, beliau telah memberi kerjasama yang penuh ketika kami menemubual beliau dirumahnya.

Tidak lupa juga berterima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Siti Norsiah Binti Jamaluddin. Yang mengajar subjek sejarah lisan ini kerana telah membimbing dan membantu kami sepenuhnya ketika kami melakukan tugas ini. Beliau juga menerangkan garis panduan kepada kami secara jelas dan terperinci. Dengan adanya penerangan daripada beliau, kami (para pelajar) dapat menyiapkan tugas kami dengan lebih mudah dan sempurna.

Kami juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan yang telah membantu memberi pendapat dan pandangan kepada kami secara langsung atau tidak langsung. Dengan itu, kami ingin mengatakan kami amatlah berbesar hati dan berterima kasih kepada mereka.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

	Isi Kandungan	M/S
Nombor	Abstrak	I
Roman	Penghargaan	II
	Senarai Abreviasi	V
	Senarai Singkatan	VI
	Rujukan Kata	VII-XVI
1.0	Biodata Penemubual	
	1.1 Penemubual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	2
2.0	Biodata Tokoh	
	2.1 Biodata Tokoh	3
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	4
3.0	Sejarah Lisan	
	3.1 Pengenalan	5
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	5-6
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	6-7
4.0	Kajian Literatur	
	4.1 Topik 1	7
	4.2 Topik 2	8
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh/Artis Veteran	9-105
6.0	Log Temubual	106-116
7.0	Ralat	117
8.0	Glosari	118-120

9.0	Indeks	121-123
10.0	Bibliografi	124-126
11.0	Lampiran	
	11.1 Biografi Tokoh	127
	11.2 Surat Perjanjian	128
	11.3 Senarai Soalan	129-133
	11.4 Diari Penyelidikan	134-136
	11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	137-141

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
GTI	Graphics, Text and Images
MC	Member of Congress
PM	Personal Manager
RTM	Radio Televisyen Malaysia
VIP	Very Important Person

SENARAI SINGKATAN

MJ: MAK JAH (MAIMUNAH AHMAD)

NH: NUR HIDAYAH

NAA: NURUL ATHIRAH AMNI

RUJUKAN KATA

Adoi	Aduh
Aje	Sahaja
Ambik	Ambil
Amik	Ambil
Anaknye	Anaknya
Apani	Apa ini
Ape	Apa
Apo	Apa
Bace	Baca
Bagi	Beri
Bagitau	Memberi tahu
Banyaknye	Banyak
Bawak	Bawa
Bende	Benda
Berape	Berapa
Besok	Esok

Betoi	Betul
Bini	Isteri
Buaye	Buaya
Bubuh	Letak
Cam	Macam
Camna	Bagaimana
Camtu	Seperti itu
Care	Cara
Cine	Cina
Citarase	Citarasa
Cite	Cerita
Cocok	Cucuk
Dak	Tak
Den	Saya
Depa	Mereka
Die	Dia
Diorang	Mereka

Dorang	Mereka
Due	Dua
Gak	Juga
Ganti	Mengganti
Gi	Pergi
Gini	Begini
Gitu	Begitu
Habih	Habis
Hang	Kamu
Henfon	Telefon bimbit
Jap	Sekejap
Jase	Jasa
Je	Saja
Jelah	Sahaja lah
Jugak	Juga
K	Okey
Kabo	Khabar

Kabut	Gelabah
Kang	Nanti
Karang	Nanti
Kaso	Kasar
Kat	Dekat
Kat mana	Di mana
Kate	Kata
Kauorang	Kamu
Kawai	Kawal
Kecik	Kecil
Kedue	Kedua
Kejap	Sekejap
Keje	Kerja
Kek	Dekat
Keluarge	Keluarga
Keluo	Keluar
Kene	Perlu

Kerje	Kerja
Ketige	Ketiga
Kira muda	Yang muda
Kite	Kita
Ko	Kau
Kolumpo	Kuala Lumpur
Laki	Suami
Lame	Lama
Lani	Sekarang
Lepas tu	Selepas itu
Lime	Lima
Mai	Mari
Mampoih	Mati
Mampus	Mati
Mane	Mana
Mano	Mana
Mase	Masa

Mate	Mata
Meh	Mari
Membawang	Mengumpat
Member	Rakan
Mencerut	Mencengkam
Merase	Merasa
Meronte	Meronta
Merupe	Menyerupai
Mintak	Minta
Mulelah	Mula
Nak	Mahu
Ngan	Dengan
Ni	Ini
Nyanyi	Menyanyi
Nyawe	Nyawa
Otai	Berpengalaman
Pade	Pada

Pas	Lepas
Pasaipa	Mengapa
Pasalnya	Mengapa
Pastu	Selepas itu
Patutnya	Sepatutnya
Perangai	Tingkah laku
Pijor	Panas
Pikir	Fikir
Pulak	Pula
Punye	Punya
Rezki	Rezeki
Sain	Tanda tangan
Same	Sama
Sane	Sana
Sapa	siapa
Sape	Siapa
Sapo	Siapa

Sat	Kejap
Saye	Saya
Seloroh	Gurauan
Semayang	Sembahyang
Sikit	Sedikit
Situ	Di situ
Slamber	Tenang
Sorang	Seorang
Suke	Suka
tadak	Tidak ada
Tah-tah	Entah
Tak	Tidak
Tak kena	Tidak sesuai
Tak larat	Penat
Tak payah	Tak perlu
Tak tahu	Tidak tahu
Takdak	Tiada

Takde	Tiada
Takleh	Tak boleh
Takmau	Tidak mahu
Taknak	Tidak mahu
Takpa	Tidak mengapa
Tande	Tanda
Tanye	Tanya
Tau	Tahu
Tegoq	Tegur
Tenang	Memikat
Terebeh	Terkoyak
Terok	Teruk
Tige	Tiga
Tige	Tiga
Tinggalnye	Tinggal di
Tu	Itu
Tue	Tua

Ulor	Ular
Usahe	Usaha

BIODATA TEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA



Nama	Nur Hidayah Binti Abdul Rashid
Tarikh Lahir	20 Januari 1999
Tempat Lahir	Penawar Klinik Permatang Pauh.
Alamat	478 MK 12 Blok H, Jalan Batu Maung, 11960 Batu Maung, Pulau Pinang.
No Telefon	019-3748071
Email	yayahrashid1999@gmail.com
Program	IM246- Pengurusan Rekod
Tempat Belajar	Uitm Kampus Segamat, Johor

1.2 BIODATA PENEMUBUAL KEDUA



Nama	Nurul Athirah Amni binti Azhar
Tarikh Lahir	08 Julai 1999
Tempat Lahir	Hospital Besar Besut, Terengganu
Alamat	No 17 Laluan 13 Taman Chepor Impian 31200, Chemor perak
No Telefon	013-4960058
Email	Thirahadam@gmail.com
Program	IM246- Pengurusan Rekod
Tempat Belajar	Uitm Kampus Segamat, Johor

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH



Nama	Hajah Maimunah binti Haji Ahmad
Tarikh Lahir	22 April 1949
Tempat Lahir	Kampung Sungai Jai Beranang (Selangor, Malaysia)
Alamat	PPR Laksamana, Blok C, Tingkat 10, Pintu 7, Jalan Peel 55100, Kuala Lumpur
No Telefon	013-2046847
Status	Ibu Tunggal
Bilangan anak	3 Orang
Bidang Kerjaya	Pelakon

2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Mak Jah atau pun nama sebenar beliau Maimunah binti Ahmad merupakan seorang pelakon wanita Malaysia yang bergiat aktif dalam bidang lakonan filem dan drama. Mak Jah berasal di Kampung Sungai Jai, Beranang Selangor. Mak Jah pernah dijaga oleh keluarga angkatnya pada umur 11 tahun kerana kesempitan hidup keluarganya yang hendak membela adik-adiknya. Penjaga Mak Jah merupakan pegawai kebajikan disitu iaitu arwah Puan Laili Ibrahim. Mak Jah tinggal di PPR Laksamana, Jalan Peel, Kuala Lumpur. Mak Jah telah berkahwin dengan seorang anggota tentera dan merupakan ibu kepada 3 orang anak dan nenek kepada 11 orang cucu. Kini Mak Jah merupakan ibu tunggal. Beliau memulakan kerjaya beliau sebagai jurusolek RTM (Radio Televisyen Malaysia) sebelum melibatkan diri di dalam dunia lakonan. Beliau mula melibatkan diri dalam bidang lakonan pada 1987. Beliau banyak didorong oleh rakan-rakan sekerja dan pengarah filem untuk terus melibatkan diri sebagai seorang pelakon. Sehingga kini, beliau masih giat berlakon. Mak Jah mempunyai masalah kesihatan iaitu menghidap penyakit kanser pada tahap 4 tetapi telah semakin pulih dah penyakit kanser beliau telah dikawal ke tahap 1. Beliau semakin pulih dari hari ke hari. Beliau juga membintangi puluhan filem dan drama yang ditayangkan di kaca televisyen Malaysia. Beliau lahir pada tahun 1948 dan kini beliau berumur 73 tahun. Kini, beliau turut bergiat aktif mencuci telekung wakaf di surau yang terletak di pusat beli-belah dan kawasan rehat dan rawat (R&R), berdekatan kediamannya ketika waktu lapang.

SEJARAH LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Sejarah lisan merupakan bidang pengajian dan kaedah mengumpulkan, memelihara dan mentafsir maklumat dan kenangan masyarakat pada peristiwa masa lalu. Ia juga merupakan dua jenis penyelidikan yang tertua, mendahului perkataan yang bertulis dan salah satu yang paling moden yang menggunakan teknologi digital abad ke 21 (UM, 2021). Sejarah lisan juga bermaksud maklumat yang dikumpulkan dari temubual atau wawancara daripada tokoh-tokoh yang memberi sumbangan dan jasa yang hebat kepada negara tercinta ini. Tokoh-tokoh ini juga diwawancara menggunakan pita perakam pada tahun 1940-an dan hingga sekarang (UKM, 2007). Sejarah lisan ini telah wujud pada tahun 1948. Ia diwujudkan oleh seorang ahli sejarah di Universiti Columbia yang bernama Allan Nevins. Maklumat-maklumat yang dikumpulkan dari menemu ramah tokoh-tokoh ini akan dijadikan bahan pengajaran dan penyelidikan untuk generasi yang akan datang (Nor Amira, 2021). Menurut (Nia Aidan, 2021), kekuatan sejarah lisan juga adalah menjadi pengukuh kepada pelbagai bahan tulis.

3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

Tujuan kajian ini dijalankan oleh pengkaji adalah untuk memenuhi objektif- objektif untuk mendokumentasikan perjalanan hidup artis veteran yang dipilih sebagai kenangan pada masa hadapan. Di sebaliknya pita-pita rakaman wawancara dengan tokoh-tokoh tertentu yang pernah memainkan peranan yang penting di dalam masyarakat boleh memberi suatu gambaran yang berkesan untuk memahami masa yang lalu itu (UKM, 2007). Selain itu, sejarah lisan ini turut digunakan sebagai rekod sumber utama. Di dalam hal ini Sejarah Lisan boleh memainkan peranan yang besar dalam memelihara dan menambahkan sumber-sumber yang ada untuk Sejarah Malaysia di abad ini (UKM, 2007). Akhir sekali, kajian sejarah lisan ini turut dapat menambah koleksi pendokumentasian sejarah lisan artis veteran yang dipilih sebagai sumber rujukan akan datang. Sejarah Lisan berdasarkan kepada kenang-kenangan seseorang yang terlibat dalam peristiwa-peristiwa yang penting dan maklumat-maklumat ini

sungguh bernilai di dalam memahami peristiwa-peristiwa yang saling berkait dari sudut yang lebih luas (UKM, 2007).

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Tajuk kajian ini telah dipilih untuk mengenal pasti kepentingan dan sumbangan Artis Veteran yang bakal diperoleh daripada hasil kajian bersama Artis Veteran yang telah dipilih. Antaranya ialah :

3.3.1 Membuka mata pihak industri dan pengarah filem.

Hal ini adalah untuk pihak industri dan pengarah filem terus mendapatkan kerjasama dengan artis veteran. Artis veteran juga perlu dibayar secara sama adil dengan pelakon yang baharu. Menurut (Fadzil Teh,2021) “Walaupun pelakon- pelakon veteran ini sudah berusia, mereka perlu dibayar mengikut *standard* pelakon muda jika watak yang diberi besar dan juga membawa watak yang berat”. Perkara ini perlulah diambil berat oleh pihak-pihak yang terlibat.

3.3.2 Memberi kesedaran tentang kewujudan Artis veteran

Masyarakat perlu tahu serba sedikit tentang kehidupan dan kisah-kisah yang dilalui oleh artis veteran tersebut yang pernah memeriahkan dunia lakonan pada ketika dulu. Hal ini bagi memastikan bahawa orang ramai lebih menghargai hasil usaha beliau setelah bekerja keras menghiburkan masyarakat di sebalik kaca televisyen. “Artis veteran telah meningkat usia dan tidak boleh aktif seperti dahulu. Namun, minat mereka terhadap dunia seni tidak pernah terkubur”. (Datuk Jeffrydin, 2020).

3.3.3 Menaikkan nama negara dari segi bidang lakonan.

Bakat-bakat yang ada pada artis veteran perlulah tidak dibazirkan begitu sahaja. Malah sepatutnya ditonjolkan pada mata dunia tentang artis tersebut dan bakat yang diperolehnya. Jika seseorang itu digelar artis veteran, maka tidak perlu diragukan lagi tentang pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh beliau. “Bila ianya berkenaan hal persembahan tempahan, sebenarnya tiada orang yang mengikuti warisan yang ditinggalkan (P.Ramlee,

KAJIAN LITERATUR

1955). P.Ramlee adalah salah satu artis seni lakonan yang membawa nama Malaysia di persada dunia dan membuka mata ramai pihak tentang dunia lakonan.

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 TOPIK 1: DUNIA LAKONAN

Dunia lakonan adalah salah satu bidang seni yang tidak asing lagi bagi penduduk di muka bumi ini. “Lakon” ini adalah seni terkenal di tiga buah negara asia yang terdekat iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand. Tetapi ianya membawa maksud yang berbeza. Di Malaysia dan Indonesia, ia membawa maksud cerita yang dipentaskan, manakala di Thailand pula ia bermaksud, tarian. Lakonan boleh juga didefinisikan sebagai satu penceritaan yang disampaikan melalui meniru cara percakapan dan gaya aksi dalam membawa perwatakan. Jadi bila digabungkan ayat menjadi dunia lakonan, ia membawa maksud dunia penceritaan yang dilakonan oleh seniman dan artis yang berbakat. (Fatimah Ali, 1900).

Seni “teater” juga boleh dikaitkan dengan seni lakonan. Dalam Bahasa Melayu, kini teater dalam pengertian yang luas juga disebut “seni lakon” dan ia juga dikira sebagai drama, muzik dan tarian (Fatimah Ali, 1900).

4.2 TOPIK 2: ARTIS VETERAN

Artis ialah individu yang berkecimpung dalam dunia seni. Seniman juga memberi makna kepada individu yang menggunakan bakat persembahan mereka untuk menghiburkan masyarakat. Menurut (Cambridge Dictionary, 1995), artis bermaksud orang yang melukis, melukis, atau membuat arca. Artis juga merupakan pelakon, pemuzik, penari atau penghibur lain. Selain itu, artis ialah orang yang kerja atau hobinya melukis, mewarna, atau membuat arca. Artis juga merujuk kepada mereka yang mencipta novel, puisi, filem, atau apa sahaja yang boleh dikatakan sebagai seni. Artis juga boleh dikatakan sebagai orang yang menyediakan persembahan, seperti pemuzik, pelakon, atau penari (Collins Dictionary, 2011). (Merriam-Webster, 1983) juga menegaskan bahawa artis ialah orang yang menggunakan kemahiran sedar dan imaginasi kreatif untuk mencipta seni (seperti lukisan, arca, muzik, atau penulisan). Maksud yang lain juga ialah, Orang yang berkemahiran tinggi dalam persembahannya. Artis juga boleh dikatakan sebagai Seseorang yang sangat bagus dalam melakukan sesuatu di dalam bidangnya.

Veteran ialah individu yang mempunyai kemahiran atau pengalaman dalam sesuatu bidang seperti pesara tentera atau artis yang telah lama berkecimpung dalam persembahan atau seni lakonan. Veteran ialah seseorang yang mempunyai pengalaman jangka panjang dalam bidang tertentu (ms.openran.net, 2019). Takrif pertama veteran dalam kamus ialah individu yang telah lama berkhidmat dalam kapasiti tertentu. Takrifan lain bagi seorang veteran ialah seorang askar yang telah mengalami perkhidmatan aktif yang cemerlang. Veteran juga adalah orang yang pernah berkhidmat dalam tentera (kamus corsica, 2006).

TRANSKRIP TEMUBUAL
BERSAMA TOKOH

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH/ARTIS VETERAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang lakonan. Bersama-sama kami ialah mainumah ahmad atau lebih dikenali sebagai Mak Jah yang merupakan seorang pelakon era 80'an. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 2 Disember 2021 bersamaan dengan hari khamis pada pukul 2 petang bertempat di Kuala Lumpur. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Athirah Amni dan juga Nur Hidayah. Dengan segala hormat atnya temubual dimulakan.

NH: hmmm, Boleh Puan ceritakan sedikit tentang latar belakang hmm diri Puan (mengangguk).?

MJ: (menyentuh hidung) Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum, hmm latar belakang saya daripada bila tu?

NH: (Berfikir) dari...

MJ: Dari saya mencebur bidang ni ke atau daripada saya sekolah? (Ketawa kecil)

NH: Haa boleh, boleh (angguk).

MJ: Kalau nak diikutkan saya... berasal daripada Beranang (Selangor, Malaysia), Selangor sebenarnya. Kampung Sungai Jai Beranang (Selangor, Malaysia) Selangor asal saya.

NH: Haah (angguk)

NAA: (Mengangguk)

MJ: Masa tu saya duduk dengan datuk, Arwah Mak saya, saya kecik lagi dah meninggal. Saya ada empat [4] beradik, semuanya perempuan...

NH: oooo, takda yang lelaki ke (geleng kepala)?

MJ: (Berfikir) takde lelaki (Ketawa kecil). Ada lelaki abang yang masa Mak punya yang pertama lah. Sekarang ni semua dah meninggal dah. (Berfikir)...yang adik saya pun, kami

empat [4] beradik tinggal kami tiga [3] beradik je lagi. Iaitu... Hajah Rahmah, apa ni Mai Salmah dan saya. Saya anak yang tua (menggerakkan kepala) dalam adik-beradik. empat [4] tu yang satu [1] Mak dan bapak lah (mengangguk). (Berpikir) saya yang tua (menyentuh hidung). Saya bersekolah di Sungai, Kampung Sungai Jai (pandang kebawah). Di sekolah rendah di... sekarang ni sekolah tu dah dirobohkan dah jadikan (Isyarat tangan) Khair Johari punya sekolah di Beranang (Selangor, Malaysia) kan (mengangguk). Dan saya (pandang kebawah) ... apa ni belajar menengah ... (Berpikir) saya belajar di Kajang. *So (Jadi)*, masa(mengelamun) tu (Berpikir) saya nak kata cerita (meletakkan tangan di dada) riwayat saya lah kan. (pandang atas) Semasa saya umur(termenung)...sebelas [11] tahun (mengangguk)

NH:(Berpikir) (mengangguk)

NAA: (mengangguk)

MJ: Keluarga angkat saya ambil saya pasal nak memelihara adik,saya dimasukkan di kebajikan masyarakat (menunjukkan isyarat tangan). *So (Jadi)*, masa tu (Berpikir) keluarga saya daif lah (mengangguk), datuk saya kira susah lah. (Berpikir) datuk saya kira susah lah, orang tua kan, nak bela adik lagi saya lagi. Tapi saya ditarik oleh ada satu Pegawai Kebajikan Masyarakat. Iaitu (Berpikir) arwah Puan Laili Ibrahim. Dia sebagai pegawai disitu,dia yang menunggu saya. Mula-mula saya dimasuk situ (menunjukkan sesuatu) dalam dua [2] minggu dia ambik saya terus bawak balik rumah dia. (Berpikir)a saya dipelihara masa tu dia belum kahwin (menggerakkan kepala), saya dipelihara dia hantar Sekolah Convent (Berpikir) Kajang, (Berpikir) pastu (Berpikir) pindah pas dia kahwin, kahwin pindah ke Seremban (Malaysia). Saya (Berpikir) bersekolah di Seremban (Malaysia) (Berpikir) Convent Seremban (Malaysia) tapi persekolahan saya tak panjang hanya tingkatan tiga [3] aje.

NH: ouh sampai tingkatan tiga [3] je (mengangguk)

NAA: Ouhh (mengangguk)

MJ: Hmm tingkatan tiga [3] (menyentuh hidung). Masa tu orang kata ___ ____(Tersenyum) hmm (membetulan posisi duduk dan kain), kan?

NH: ouh (mengangguk)

NAA: Ouuh (Ketawa kecil)

MJ:(Berfikir) pastu tapi saya banyak diajar oleh arwah ni (pandang kebawah), tapi _ _ _ _
ni pun memang seluruh keluarga dia sayang saya (Isyarat tangan) ...

NH: ouh

MJ: Begitu juga kaum keluarga saya (Isyarat tangan) di kampung. Itu saya macam
perebutan lah(menunjukkan isyarat tangan) (tersenyum malu)

NH: (Berfikir) perebutan (Ketawa kecil)

MJ: Tapi tak payah lah dah remaja, cantik, (menunjukkan isyarat mata) kan sapa tak rebut.
Balik kampung orang panggil (Berfikir) ape Mawar Sekampung.

NH: Mawar Sekampung (Ketawa kecil)

NAA: Haah iyaa (ketawa)

MJ: Balik ke Beranang (Selangor, Malaysia) kan (menunjukkan isyarat tangan), hmmm
Mawar Sekampung, dah remaja umur tujuh belas [17] tahun, balik kampung..

NH: Mawar Sekampung (Ketawa kecil)

NAA: Haah(ketawa)

MJ: Tak _ _ _ _ semanis tujuh belas [17]. Masa tu keluar lagu (tersenyum malu) ... apa
Datuk Mat Daud kan. 'semanis tujuh belas' (menggerakkan badan,menunjukkan isyarat
tangan dan melirik) (menyanyi) kan. Haa anak-anak muda--- (ketawa). Kemudian saya
(menunjukkan diri sendiri) kakak (Gagap), kakak, (Berfikir) kakak angkat saya, yang Puan
Laili Ibrahim pergi ke London (England) (menunjukkan isyarat tangan) (Berfikir) lepas dia
berkahwin dia kene bersekolah di London (England), belajar lagi. Saya duduk rumah angkat
dia, Mak dia (Berfikir) di Gombak...

NH:(mengangguk)

NAA: (mengangguk)

MJ: Lepas tu saya di *offer (Tawaran)* bekerja di RTM (menunjukkan isyarat tangan). Pastu tak sempat, yang pertama kali saya tak sempat sebab apa, keluarga saya banyak membantah(riak kecewa) pasal saya --- balik kampung, sekolah di kampung. Saya kata saya taknak, saya nak duduk. tapi perbangkangan itu banyak, masalah kan(menunjukkan isyarat tangan)? So (Jadi) jadi saya (Berfikir) duduk dengan diorang sekejap la lam lam Mak angkat saya tu berapa tahun daripada kampung (termenung), dari hak kampung (menunjukkan isyarat tangan) saya umur lapan belas [18] tahun dorang dah keluarkan saya daripada Sains (Berfikir) Sains

NH: (Berfikir) iya la dah lapas belas [18] (mengangguk)

NAA: Haah (mengangguk)

MJ: Kebajikan Masyarakat Puan Laili jaga tadi (menunjukkan isyarat tangan). So (Jadi) Puan Laili balik daripada London (England), sain... untuk tempatkan saya di... untuk bagi pada keluarga (menunjukkan isyarat tangan).

NH: ouhh (menunjukkan diri Mak Jah)

MJ: Dia tak boleh pegang selama-lamanya. Saya taknak(menggeleng kepala), menangis-nangis tak nak. Mak angkat saya menangis-nangis, sayangkan... tapi takpa fikirkan Beranang (Selangor, Malaysia) dengan Gombak (Selangor, Malaysia) tak jauh. (Berfikir) jadi kadang-kadang saya balik Beranang (Selangor, Malaysia) saya balik (menunjukkan isyarat tangan). tapi dalam duduk di Beranang (Selangor, Malaysia) Maklumlah orang kata Mawar Sekampung dah diberebut pulak kan? Sampai tiga puluh [30], tiga belas [13] orang datang meminang. Macam mana saya nak tolak? Masa tu saya tak terfikir, saya nak belajar ikut apa yang diajarkan oleh (Berfikir) Puan Laili Ibrahim. Tapi (Berfikir) orang kata sentuhan jodoh tu cepat, saya berkahwin haa.

NH: Pada umur?

MJ: Umur...(berfikir)lapan belas [18] tahun ke sembilan belas [19] tahun. Saya berkahwin, (Berfikir) saya sebelum tu (menunjukkan isyarat tangan). Saya nak berkahwin saya di *offer*

(*Tawaran*) untuk *Makeup (solek)* di RTM. Yang amat _ _ _ _ itu adalah saudara daripada Puan Laili Ibrahim tadi (menunjukkan isyarat tangan).

NH: (Bertikir) iya la dah 18 (mengangguk)

NAA: Haah (mengangguk)

MJ: (Bertikir) di RTM dorang masukkan saya, di RTM pastu(bertikir) _ _ _ _ saya masa tu dah (menunjukkan isyarat tangan) berkahwin. Anak saya umur --- bulan(terkejut). Lebih ke dua [2] tahun, saya dihantar ke Jepun untuk belajar *Makeup artis (Jurusolek)* oleh RTM masa tu (menunjukkan isyarat tangan) ...

NH: (Bertikir)aa time tu 2000...?

MJ: tak ingat, (Bertikir) sembilan belas [19] (Bertikir) sembilan belas [19], sembilan belas [19] tahun enam puluh tujuh [67], enam puluh lapan [68], enam puluh sembilan [69] (Bertikir), tahun tujuh puluh [70]-an lah _ _ _ _ belajar *Makeup (Jurusolek) under* (bawah) RTM. (Bertikir), masa tu dia punya *Makeup artis (Jurusolek)* pun adalah. (Bertikir) apa ni... Zawiyah Mahmud, apa semua _ _ _ _ kan. Pastu balik bekerja dengan RTM. Masa tu dulu gaji murah, RM (Ringgit Malaysia) seratus lima puluh [150] kan. Bila balik daripada Jepun dapatlah gaji tu RM (Ringgit Malaysia) dua ratus dua puluh [220] lah,gitu.

NH: (Bertikir)

NAA: Haa

MJ: Habis tu suami berkeras mengajak saya pindah ke Sabah,Sarawak(Malaysia) pasal dia seorang Askar, *Army (Tentera)*.

NH: oooo...

MJ: Jadi saya pindah ke sana mengikut suami, kita nak jadi suami..., isteri solehah (meninggikan suara dan mengangguk)

NH& NAA: Haa solehah(serentak) (Ketawa dan mengangguk)

MJ: (Melirik ke kanan) Anak masa tu dah masuk dua [2]. Pastu (Berfikir) balik duduk dua [2] tahun tiga [3] tahun cam tu Sabah, Sarawak (Malaysia), balik sini (melenggokkan kepala). Balik sini (Isyarat tangan) biasa lah nak masuk balik RTM dah tak boleh.

NH: (Berfikir) susahkan?

MJ: Dulu patutnya saya bertugas _____ kena kerja RTM. Tapi fikir balik dari Peningkin nak pergi RTM di (Berfikir) tempat sana... jauh. Peningkin ke sana jauh. Naik helikopter RM (Ringgit Malaysia) lapan puluh [80] ringgit.

NH& NAA: Haa oooo...(serentak)

MJ: Gila kan? (membetulkan kain) Itu yang balik ke RTM (pandang kebawah) mintak kerja tak dapat. (Berfikir) saya pun dalam satu tahun tu berdiam diri, yelah macam-macam (menggerakkan tubuh dan tangan) hal laki bini tak payah la nak cerita orang dah mati kan... (sedih dan kecewa)

NH: ha yelah yelah(mengangguk)

NAA: Haa betul(mengangguk)

MJ: hmm, yang tu takyah la cite. Kita faham jelah perbalahan antara suami dan isteri. (isyarat tangan dan riak kecewa) Pastu anak tiga [3], masuk tiga [3] hmmm. Pastu macam (Isyarat tangan) mana lepas anak saya dah lahir ke tiga [3] saya minta di RTM lah kerja.

NH: yang tu, (Isyarat tangan) yang tu umur yang anak tu berapa?

MJ: Umur berapa tahun (berfikir), setahun ke dua [2] tahun macam tu lah. Hmm. Pastu saya (Berfikir) saya minta kerja di RTM tak dapat, jadi member _____ (Isyarat tangan) ni bagi saya *Freelance (Pekerja bebas)* di RTM. *Freelance (Pekerja bebas)* ni baru lapan puluh [80] berapa, lapan puluh satu [81] (isyarat tangan dan menggerakkan kaki) eh tak silap saya, dia dah buat (Isyarat tangan) *Freelance (Pekerja bebas)* drama di luar haa. Jadi saya buat *Makeup artis (Jurusolek)*. Masa tu... (berfikir) pertama saya buat *Makeup artis (Jurusolek)* dengan RTM dengan Arwah Rusli Jalil pengarah RTM (tersenyum).

NH: oooo (teruja)

MJ: (Berfikir) apani (menggerakkan tubuh) Rusli Jalil pengarah dia di RTM. Audio dia adalah (pandang kebawah dan berfikir) hmm... alahai... Nor Halim Aziz Razak(tersenyum). Masa tu semua dorang dalam *video (Rakaman)* (Isyarat tangan) audio itu lah. Saya kenal dengan dorang, bila(Isyarat tangan) budak-budak *Makeup artis (Jurusolek)* cutikan, saya ganti. (Isyarat tangan)

NH: ooo

NAA: Hmm

MJ: *Freelance (Pekerja bebas)!* (menekankan suara), _____ (menunjukkan diri sendiri) (Berfikir) ganti. Pastu bila *shooting (Penggambaran)* mana ke *outstation (Kerja luar kawasan)* dorang tak pergi, saya ganti(Isyarat tangan). Ingat tak cerita 'Anjang Aki' tu? Tahun lapan puluh tiga [83] tu.

NH: ooo

NAA: iya

MJ: Haa 'Anjang Aki' tu bila *Makeup artis (Jurusolek)* dia cuti, saya digantikan(Isyarat tangan).

NH: ooo

MJ: Haa jadi *Makeup artis (Jurusolek)* 'Anjang Aki' tu tapi alang-alang kita takde sebab apa yang buat *consult contract* (Isyarat tangan) tu orang lain kan. Jadi kita pengganti pasal kita *Freelance (Pekerja bebas)*.

NH: ooo(menggerakkan badan)

NAA: ouhhh

MJ: Hmm (membetulkan posisi) itulah saya (Berfikir) dah balik pada sana lah saya dapat lah *job (Kerja)- job (Kerja)* pada kat sini dalam satu *job (Kerja)*, satu [1] *job (Kerja)*,

satu[1] *job (Kerja)*, satu [1] *job (Kerja) Makeup (Jurusolek)* artis. Dalam kita shooting (Penggambaran) tu... (meninggikan suara dan isyarat tangan)

NH: haah?

MJ: Kadang-kadang *wardrobe (Almari pakaian)* lari,tak tahu lah apa masalah dengan *producer(Penerbit)*. Saya... (meninggikan suara dan menyentuh dada) ganti *Wardrobe (Almari pakaian)*. Ni *Makeup (Jurusolek)* artis, dua [2] kerja. (Meninggikan suara dan menyentuh dada)

NH: Haaa? Makeup (Jurusolek) artis _ _ _ _ (betul-betul(mengangguk dan ketawa))

NAA: Allah (Ketawa kecil)

MJ: *Freelance (Pekerja bebas)!* Buat *wardrobe (Almari pakaian)*. Tak tahu la bayar lebih sikit, ambik...(mengangguk) tak kiraa haa

NH: (Berfikir) betul! (mengangguk)

MJ: Pastu (menggerakkan kepala) bila konti (Studio penyiaran radio dan televisyen) lari pulak(meninggikan suara dan menyentuh dada), tak kena dengan *director (Pengarah)*...

NH: Lah pulak

MJ: Ganti... (meleretkan suara) kau pulak, jadi konti (Studio penyiaran radio dan televisyen) pulak saya.

NAA: (ketawa)

MJ: Cuma saya tak buat *assist director (penolong pengarah)* je (riak teruja)

NH: Haa, nasib baik

MJ: Haa, *prop- prop (Set penggambaran)* pun saya buat (Meninggikan suara). Kalau dah *prop (Set penggambaran)* dah lari semuanya takde (Meninggikan suara) mana nya _ _ _ (kita lah kena buat. Sebabnya(intonasi tegas) saya kena dapat buat benda-benda tu masa saya belajar di Jepun buat *Makeup (Jurusolek)* artis, buat *Makeup (solek)* enam [6] bulan,

dua [2] bulan belajar *Makeup (solek)* cantik, dua [2] bulan belajar *Makeup (solek)*, *Makeup artis (Jurusolek) character(Watak)*, dua [2] bulan kita belajar *lighting (Pencahaya-an)*, *lighting (Pencahaya-an)*(isyarat tangan). Bila kita... jadi...prob jadi apa, kita dah tahu dah. (Isyarat tangan) Ouh *prop (Set penggambaran)* ni orang ni tadi baca *script* _ _ _ _ (Haa ni tahu dah kat sini, kat sini (Isyarat tangan) *Lighting (Pencahaya-an)* kau kat sini. Kalau kita buat *Makeup (solek)*, *Lighting (Pencahaya-an)* tak kena, kita tahu dah dimana *Lighting (Pencahaya-an)* tu nak pergi (Berfikir) (isyarat tangan)

NH: Kat mana...

MJ: Jadi bersesuaian *wardrobe (Almari pakaian)* tu lah, kalau *wardrobe (Almari pakaian)* tu kita kena tengok (pandang ke atas) lokasi dia. Tengok macam rumah macam ni boleh lah pakai (menunjukkan baju sendiri) baju macam ni sikit-sikit, tak pun jangan terlalu gelap sangat (Isyarat tangan) (Berfikir), dia ada,dia ada kalau warna rumah tu (Berfikir) rumah tu warna kayu kan, (Berfikir) dia boleh pakai warna ni, kita ni jadi dia boleh mantam balik (Meninggikan suara) _ _ _ _ (isyarat tangan)

NH: Wahhh

NAA: oooo (teruja)

MJ: Aa itu dari segi *wardrobe (Almari pakaian)*, daripada konti (Studio penyiaran radio dan televisyen) yang saya belajar lah (menggerakkan tubuh), yang saya buat dulu lah. Lepas tu(Isyarat tangan) (Berfikir) saya buat *Makeup(solek)*(pandang kebawah dan berfikir) lama jugak la sampai bertahun saya buat dalam sepuluh [10] tahun lebih kot hmmm. Pastu dalam tahun sembilan puluh [90]-an, saya dah berjinak dengan pengarah, (terkejut dan berpikir) eh jadi pengarah (gagap)... jadi pelakon (Ketawa kecil) (gembira)

NH & NAA: (Ketawa)

MJ: (Ketawa) _ _ _ _ sangat jadi pengarah, tak pernah jadi pengarah (tersipu malu) ... jadi pelakon. Kadang-kadang (Berfikir) nak jadi Mak orang tak sampai, ni orang nak shooting (Penggambaran) (menggerakkan tubuh), saya... (menunjukkan diri) jadi Mak. Kadang-

kadang pelakon tu tak sampai lagi(termenung) watak-watak ni... “Ha Jah,boleh Jah kau tukar baju Jah, kau pakai dialog ni,ni.”(Meninggikan suara)

NH: eh?

MJ: saya... kena ganti (meleretkan suara). Berapa

NH: (Berfikir) masa tu

MJ: Hah? (terkejut)

NH: Umur berapa?

MJ: Umur masa tu(berfikir) dalam tiga puluh [30]-an la kan. (Berfikir) buat apa ni dalam umur tiga puluh [30]-an la kan. Yelah (Meninggikan suara) pengarah... pengarah nak cepat, *producer (Penerbit)* nak cepat. Pelakon kadang dah tak nak..., *last minute* dah tak nak berlakon. Dia nak banyak *job (Kerja)* lain lah apa.

NAA: Haa betul! (mengangguk)

MJ: Kita ni jenis main iya je(mengangguk), ha kan?

NH: (Ketawa kecil) okey... okey(mengangguk)

MJ: Pastu tergolong dalam tu Isyarat tangan) sapo lagi nak bantu. (Meninggikan suara)

NAA: Haa betul! (mengangguk)

MJ: Haa kita ni... Mak Jah berlakon macam mana? Hmm Berlakon... pasal kita berlakon tu (mata melihat sekeliling) bagi mudahnya pasal kita dah tahu *lighting (Pencahayaannya)* (Isyarat tangan) kat mana (tersenyum)

NH:haah (mengangguk)

NAA: Iya (mengangguk)

MJ: Iya haah Bila kita masuk dalam rumah tu baju apa, jadi kita dah tahu kan (Isyarat tangan). Jadi memang sesuai la. *So (Jadi)* pengarah kata (mengangguk)...” eh kau berlakon.” Kadang-kadang pengarah pun tahu la macam arwah pengarah Zack Othman, Arwah (Berfikir) (berfikir)apa ni... arwah siapa...(sedih)Pak Ya dulu, pengarah RTM kalau shooting (Penggambaran) ke *outstation (Kerja luar kawasan)* kan, banyak la macam Mak Londen ke apa semua,nama- nama dulu tapi pengarah saya dulu lama-lama daripada arwah M.Amin lagi(mengangguk).

NH: ooo,Uish (teruja)

NAA: ouhhh (mengangguk)

MJ: (Berfikir) lama, macam Pak Min kan, panggil dia Pak Min. Bila (tenung)” Jah, kau jadi ganti ni Jah (Meninggikan suara). Kau boleh buat ni,ni dialog ni sikit je ni ha buat. Ha baju Jah kau fikir sendiri baju apo.” Kat mano rumah nya Pak Min? (Dialog bertanya). “Rumah yang kita--- tu, tu ha”. Ouh kk,kita dah tahu (tersenyum), so (Jadi) baju kita __ __ (baju apa. Kita dah tahu dah (Berfikir) pakai pakaian apa (Isyarat tangan), jadi *wardrobe (Almari pakaian)* pun senang. Jadi kerja pun senang. Disitu banyak lah saya belajar tentang *lighting (Pencahayaannya)*, tentang *wardrobe (Almari pakaian)*, (Berfikir) konti (Studio penyiaran radio dan televisyen) (Berfikir) tentang (Isyarat tangan) (Berfikir)..apa ni (berdecit dan berfikir).. alahai *prop (Set penggambaran)*. Jadi semuanya saya buat. Pasaipa kita ni dalam bidang ni, saya cakap dengan diarong, dalam bidang ni kena kita banyak buat (Isyarat tangan). Dalam bidang ni besar...

NH: Kita kena tau semua... (Isyarat tangan)

MJ: Tahu semua, kena setidak- tidak (menuding jari) kau ambil *basic (Asas)* je sikit sekurang-kurangnya. (Berfikir). kau seorang (Berfikir) apa (memejam mata dan berfikir) ni *Makeup artis (Jurusolek)*, kau boleh berlakon (Isyarat tangan). Saya macam tu la asalnya.

NH & NAA: ouhh (teruja)

MJ: Berlakon..., berlakon,berlakon *director (Pengarah)* kata “okey Mak Jah, Jah okey?”(berkerut). Dulu orang panggil Jah, Kak Jah (teruja).

NH: ooo Kak Jah (Ketawa kecil)

MJ: Sekarang ni Mak Jah!(meninggikan suara,tersenyum) (mengangguk)

NH & NAA: Mak Jah (Ketawa)

MJ: Okey Jah, kau buat ni,ni,ni,ni...okey buat. ___ kadang-kadang macam (berfikir)
___ (Arwah apa ni (pandang kebawah), dah -dah arwah la ramai (Isyarat tangan) tu kan.

NH: (Berfikir)

MJ: (Berfikir) hmm apa tu ___ dia kata “kau ni boleh berlakon, jangan tinggalkan lakonan”. Pastu saya pulak sakit *operation (Pembedahan)* batu karang, buah pinggang(menyentuh pinggang). Saya cakap dengan diorang saya taknak (mengeleng kepala) la buat *Makeup (Juru solek)* lagi dah tak larat lah, nanti dah *operation (Pembedahan)* (menyentuh pinggang) ...” Jangan!(mengeleng kepala) Kau tak boleh tak nak buat *Makeup (Juru solek)* takpa,tapi kau berlakon”. “Dalam (Isyarat tangan) yang aku pandang kau” tu Mak Landen ___ la ye. “Aku pandang kau, kau ada *character (Watak)* (Isyarat tangan), kau boleh buat (mengerakkan kepala), kau boleh tahu (Isyarat tangan) (pandang keatas) dimana *lighting (Pencahayaannya)*, dimana kamera tu beralun(melirik ke kanan), dimana kamera tu (melirik ke kanan)mengarah kau depan, belakang, kiri,kanan.” Itu pengarah pandang pada saya (menunjukkan diri). (Berfikir) ___ Arip Shah, arwah Arip Shah RTM (mengangguk)punya tu. (Berfikir) pastu (Berfikir) kau boleh tahu semua tu(Isyarat tangan), tak payah lagi director (Pengarah) bagitau kan. Jadi dah tahu. So (Jadi) kalau kau nak berhenti *Makeup (solek)* takpa, kami boleh bagi, cari orang yang pandai *Makeup (solek)*, tapi kau berlakon. “Ada ke orang nak ambik saya berlakon (berkerut dan tertanya)? Saya tak kenal, orang tak kenal saya”. “Ada!!” (Meninggikan suara) katanya (mengerakkan tubuh). Masuk berlakon (pandang ke tepi), jangan tinggalkan. Okey dah balik tu, ha ni ada *job (Kerja)*, meh sini berlakon. Pergi... dah baik kan(tersenyum gembira), pergi lah berlakon, berlakon sikit demi sikit, sikit demi sikit sekarang banyak punya banyak,banyak,punya banyak.

NH: Makin banyak...(mengangguk)

MJ: Makin banyak(mengangguk) sampai lah saya tua sekarang ni haa. Yang saya *drop (Jatuh)* sangat (sedih)pada dua ribu enam belas [2016], saya sakit kanser (Penyakit Barah) (tersenyum).

NH & NAA: Haaaa

Mak Jah: aa dua ribu enam belas [2016], tujuh belas [17], lapan belas [18], sembilan belas [19] (Berfikir) dua puluh [20] (Isyarat tangan) baru saya bermula balik *shooting (Penggambaran)*. lima [5] tahun (menunjukkan angka lima [5]) saya...

NH: Tahun lepas laa, tahun lepas

MJ: haa! (mengangguk) (Berfikir) ni baru saya (Berfikir) dah..., bukan nya pulih tapi kita *control (Kawal)*...(sedih) (Isyarat tangan)

NAA: oooo (simpati)(mengangguk)

MJ: Jangan dia aktif. (sedih)

NH: ooouh

MJ: saya *stage (Tahap)* pertama. Tapi dapat lagi diubat, tapi dalam masa *stage (Tahap)* pertama empat [4] tahun tu memang saya (Isyarat tangan) (sedih) _ _ _ _ . Masuk setahun tu, dia dah kurang, saya dah mula (Isyarat tangan) lah berlakon balik. Orang panggil (wajah berkerut) ..., saya kata saya sakit...

NH: Orang cari Mak Jah.

MJ: hmm... (membetulan posisi duduk)

NAA: Mak Jah berlakon memang best (Terbaik)! (Ketawa)

NH: Haa Mak Jah tuu

MJ: Lagi-lagi pulak bila sekarang ni pulak (Berfikir), baru bulan, bulan empat [4] laa(mengangguk). PKP pertama saya masih *shooting (Penggambaran)* lagi di Perlis (Malaysia) dua [2] bulan dengan Hj. (Berfikir) dengan *production (Produksi)* Haji Zeel, (mengangguk)Zeel *Production (Produksi)*. dua [2] bulan (Meninggikan suara) saya disana, "Hang nak aku,Aku nak hang shooting (Penggambaran) dengan aku.(Meninggikan suara)" Aku ni "saya tak kuat Ji"(sedih).

“jangan cakap gitu, (menggelengkan kepala) hang ikut je aku, *shooting (Penggambaran)* dekat Seremban (Malaysia).”

NH: Haa(mengangguk)

MJ: Jauh tu Ji. “Ubat-ubat hang bawak, kad-kad hang bawak (Meninggikan suara), apa-apa senang (mengangguk)” Saya pergi lah ikut. Dalam diam tak diam dua [2] bulan aku kat sana.

NH: ehh haa

NAA: tak kisah dah?

MJ: Tak kisah, haa saya tak kisah (mebetulkan posisi duduk) (wajah berkerut). Saya kan sorangkan (Isyarat tangan) pergi mana-mana.

NA & NH: Haah(mengangguk)

MJ: lepas tu pergi la *shooting (Penggambaran)* dua [2] bulan, berapa episod tu (pandang atas dan berfikir), dua belas [12] episod ke tiga belas [13] episod...saya pun tak tahu lah. Buat-buat dengan Datuk Tarmimi, Alhamdulillah (mengangguk)syukur pada Allah sampai...

NH: siap...(mengangguk)

MJ: walaupun kita kaki (Isyarat tangan) tak kuat hmm tapi(sedih) habis tu sambung lagi drama, Alhamdulillah(lega). Sampai la yang kedua ni tu kan, yang kedua ni yang(berdecit) (Isyarat tangan) *drop (Jatuh)* sangat ni kan. Tu saya tak *shooting (Penggambaran)*, saya kata “Ya Allah datang pulak sakit ni”. Sakit ni apa tau, Kaki, tak kuat jalan. Lutut tak sakit (meninggikan suara) antara tulang punggung (Isyarat tangan)ke peha(menunjukkan peha), tapak kaki ke bawah kenaurut, kena urut.

NH: rasa lenguh-lenguh ke?

MJ: Haa (mebetulkan posisi), pasal orang penyakit kita ada kencing manis, darah tinggi pulak

NH & NAA: oooo (simpati)

MJ: Aih (pandang ke tepi) dia Makan dah gitu...

NH: (Ketawa kecil)

MJ: _____ lah, itu. Apa tu, ni dah Alhamdulillah. dua [2]-tiga [3] hari ni (melirik ke tepi) (sedih) ada lah dapat *shooting* (*Penggambaran*) sikit, (Mengangguk) buat lah, ikut lah. Tapi saya cakap, saya kalau panggil *shooting* (*Penggambaran*) bagi saya *guest artis* (*Artis jemputan*) sudah lah. dua [2] hari ketiga [3] hari ke. Kalau episod banyak-banyak, saya nak tunggu satu daripadanya saya nak bawak baju (Mengeleng) (menunjukkan sesuatu) ...

NH: Banyak(mengangguk)...

MJ: Nak pilih baju banyak (wajah berkerut) kan. Kalau *wardrobe* (*Almari pakaian*) tu ada, baju khas untuk aku haa takpelah (mengangguk) takyah la aku terus tukar baju je. Penat jugak (riak penat) tukar baju tu... _____.

NH:Betul!

MJ: _____.

NAA: Baju kita sendiri lah Mak Jah?

MJ: Ada yang kita sendiri, ada yang *Wardrobe* (*Almari pakaian*) punya

NH: Ada yang bagi (mengangguk) (menyentuh pelitup muka) ... ouhhh

MJ: Tapi tak semua yang *wardrobe* (*Almari pakaian*) nya. Kadang kita tak muat, kadang besar kan (menyentuh kaki).

NH: Ha betul-betul!

NAA: hmm

MJ: Jadi kita kena _____ selesa

NH: Selesa, ooo selalu memang Mak Jah pakai baju yang Mak Jah sendiri?

MJ: (Berfikir) yang masa sihat dulu (betulkan posisi duduk) baju sendiri, senang.

NH: ooooo (mengangguk)

MJ: Apa tu, yelah(Mengeleng) kita sampai sekarang ni dah umur tujuh puluh empat [74].
Hmm Tarikh lahir dua puluh dua [22] haribulan empat [4] tahun empat puluh sembilan [49].

NH: haaa empat puluh sembilan [49] (mengangguk)

MJ: Hm, pastu saya dah umur macam ni kadang-kadang (sedih) eh aku dah umur macam ni rasa malu pulak nak berlakon(sedih).

NH: (Ketawa kecil)

MJ: Muda-muda tengok kan. Kita ni kadang-kadang IQ kita (menunjukkan kepala) ni dah kurang..

NAA: (Ketawa kecil)

MJ: Nak mengingatkan dialog-dialog tu kan. Terus terang cakap dengan *director* (*Pengarah*) tu (Meninggikan suara) “saya ni IQ dah kurang, tak payah buat dialog banyak-banyak Mak(Mengeleng)”. “Mak buat dialog sikit-sikit je”

NH: ouhhh(mengangguk)

MJ: “Haa dialog macam ni ja sikit Mak”. Haa okey, ikutlah(mengangguk).

NH & NAA: Hmm

MJ: (Berfikir) pastu ada satu lagi *production* (*Produksi*) panggil, filem lah. “Eh Mak tahu tak, Mak duduk je kat *parking* (*tempat letak kenderaan*) (menelan air liur), bercakap dengan apa dengan aa (meletakkan tangan di dahi) saka punya orang. Orang tu takda, kita bercakap sorang. “Mak cakap lah apa-apa Mak nak cakap” (Isyarat tangan) kata dia. (Berfikir) itu je la. Itu filem. Baru-baru ni lepas dengan--- pun filem buat orang tua yang terlalu sedih sangat cucu,cucu angkat dia tu. Dia ambik cucu India(sedih).

NH: haa ah (mengangguk)...

MJ: Tak balik-balik rumah, sedih sangat apa semua tu, siap ada Selawat Nabi, saya kena dodoikan dia masa dia kecik(tersenyum) (Isyarat tangan) ...

NH: oooo ((teruja))

MJ: Haa macam-macam lah watak dia. Dia watak ni macam-macam (pandang bawah) sampai ada(membetulkan kain) yang kata Mak Jah ni jangan la jadi hantu lagi(wajah berkerut)..

NH & NAA: (Ketawa kecil)

MJ: Cucu aku pun takut (ketawa kecil) ...

NH: Takut...

NAA: (ketawa)

MJ: Tengok cite Mak Jah jadi hantu cucu aku tak tengok...

NH: ooooo

MJ: Dulu masa pertama lagi buat cerita hantu dengan... (Berfikir) apani Mat Dani punya anak tu kan (Melirik ke bawah) time tu keluar cerita tu lagi lah (Isyarat tangan) _ _ _ _ tengok nya diorang. Nampak kita datang(tunduk), bantai menjerit lari masuk dalam bilik.

NH & NAA: (ketawa)

MJ: lepas tu takde lah (Isyarat tangan)

NH: Hm tak nak dah (geleng kepala)

MJ: (Ketawa kecil), itu sekarang *producer (Penerbit)* saya (Isyarat tangan) Haji Zeel, "Mak Jah jangan buat cerita hantu lagi tau (Mengeleng), tak mau buat cerita hantu." Kalau orang telefon Haji Zeel, "Haji,saya nak ambil Mak Jah", macam dia punya la (tersenyum)kan, dia punya artis kan.

NAA: Hmm

MJ: “ambik Mak Jah ni”. “Hang nak bagi watak apa kat dia (Meninggikan suara)? Hang jangan bagi watak hantu, aku tak suka” (Meninggikan suara) (menyentuh dahi dan menggeleng)(ketawa).

NH: Uishhh tak bagi dah

NAA: Uish, marah betui.

MJ: (Ketawa kecil) itu lah baiknya pihak *producer* (*Penerbit*) Haji Zeel. Hmm kalau sebelum ni saya *shooting* (*Penggambaran*) dengan Datuk Yusof Haslam kan(mengangguk), ‘Sembilu Kasih’. Kan sampai empat [4] tahun lebih saya *shooting* (*Penggambaran*) (Isyarat tangan) dengan dia aje untuk buat cerita ‘Sembilu Kasih’ tu.

NH: Tudia (Terkejut)

MJ: Di luar-luar tu yang sikit-sikit je yang itu dah ada main dia dekat situ. (Isyarat tangan) Jadi empat [4] tahun setengah saya *shooting* (*Penggambaran*) dengan Datuk Haslam. ‘Sembilu Kasih’ tu kan terkenal (membetulkan lengan baju) sekarang ni.

NH: Betul-betul!

NAA: Haah,betul!

MJ: Haa hmm sampai sekarang. Dengan filem-filem pun banyak saya buat dengan apa(termenung)Prof Razak Muhyiddin (menyentuh wajah), dengan Rashid Sidik banyak lah walaupun pengarah lama. Dulu-dulu lama-lama dengan arwah Pak Min,dengan Arip Shah dengan _ _ _ _ semua orang lama-lama kan(sedih).

NH: Masa Mak Jah (menunjukkan Mak Jah) jadi (Berfikir) hmm masa depa (Isyarat tangan)nak ambik Mak Jah berlakon tu, aa depa buat (Berfikir) apa (mendecit) uji bakat tak?

MJ: Tak pernah, tak pernah (Mengeleng)

NH: Memang serap masuk ja

MJ: Haa serap masuk je

NH: Haaa (teruja)

NAA: Dia ganti, ganti, ganti orang (Isyarat tangan).

MJ: haaa (Ketawa kecil)

NH: Mak Jah memang mula-mula minat *Makeup (solek)* ja...

MJ: *Makeup (solek)* la (mengangguk) tapi ___ ___ berlakon(berkerut)

NH: Pastu tiba-tiba ni (Isyarat tangan) ...

MJ: Haa, apa lah berlakon ni, buat canni-canni(berkerut), pandang la *lighting (Pencahayaannya)* tu (menggerakkan tubuh) ...

NH: ouhh

NAA: (Ketawa kecil)

MJ: Kita kadang-kadang kan..

NH: Ouh kita yang rasa...

MJ: ___ ___ tapi memang ya betul. Kadang kamera dekat sini kan (Isyarat tangan). Orang tu terlindung, pandai-pandailah kau nak ambik *job (Kerja)* kat sini (posisi santai) “haa apa dia” (ketawa) (Isyarat tangan)cakap nya slamber kan. Padahal kita sebenarnya nak aa kamera dia(Isyarat tangan) (bunyi telefon) “haa pastu apa dia, apa yang kau cakap ni”. Kita kena curi kamera haa. (Isyarat tangan)

NAA: Kena Pandang

NH:Haaa

MJ: Curi kamera, itulah pengalaman apa ni (Berfikir) pengajaran orang lama-lama dulu. Bukan setakat baca skrip aje. Baca skrip ni macam baca buku (Tegas). Saya tak ikut sangat (Mengeleng), skrip ini adalah *guide (Panduan)* aje, *guide (Panduan)* cerita, faham! (Tegas) Ini sepenuh nya lah Mak Jah bagitau ni. Kalau kita berlakon, baca skrip saya pakai *guide (Panduan)* je. Yang penting tu apa(pandang bawah)? Haa... Contoh dia aa budak Limah tu lalu kedai, ko nak gi kedai tak larat kan, nak beli gula lah katakana (riak tertanya). Itu je cakap dia”Limah tolong beli gula aku” dia tulis dalam tu kan, takkan aku cakap macam tu(Isyarat tangan) ”Limah tolong beli gula aku” takkan macam tu.

NAA: Macam bosan kan

MJ: haaaa

NH: tambah-tambah la kan (Isyarat tangan), pandai-pandai

MJ: Haa tambah la “Limah kau nak gi mana tu? _ _ _ _ . Kau nak ooo kau nak g kedai, boleh kirimkan aku tak beli gula sekilo? Nanti jap aku ambik duit” (menggerakkan tubuh).

NH: Baru macam betul, *real (Benar)*

MJ: (Berfikir) barulah _ _ _ _ kita kena apa kena ada(Isyarat tangan)masuk sini lah penting(memegang kepala) haa kita kena fikir sendiri, bila baca skrip tu kita kena fikir apa (melirik ke bawah)yang aku nak? Dimana muka kita? Dan muka kita...apakah *character (Watak)* nya muka kita. Sama ada suruh Limah tadi, Limah tu kita suke ke orangnya, kita tak suke ke. Bila kita suka (Berfikir) (Isyarat tangan) sorangnya (Berfikir) kita kawan baik, “Limah kau nak g mane?” haa kan. Kalau...

NH: Reaction (Reaksi) muka dia

MJ: Ni nak suruh pergi kedai ni. “Limah kau nak g mana? Kau nak g kedai? Boleh kirimkan aku gula tak sekilo?” Haa _ _ _ (riak menyampah) lepas ambik duit tah-tah belinya tidak(jeling). Haaa(tersenyum)

NH: ouhh (Ketawa mengekek) bertukar (ketawa) (Isyarat tangan)

NAA: (ketawa)

MJ: Bertukar(Isyarat tangan). Dia punya *intonation*(intonasi) (Isyarat tangan), intonasi, *character (Watak)* muka bila seseorang tu yang kita benci masa tu bila kita (Berfikir) kononnya sekarang ni banyak membawang (Meninggikan suara) kan.

NH: Ha betul! (mengangguk)

NAA: Haa

MJ: Dia nampak macam pendiam tapi baran. Tahu perangai dia, tahulah perangai masing-masingkan.

NAA: Orang lame.

MJ: Perangai orang-orang lame. Perangai pengarah-pengarah lame, termasuklah M.Osman. Ape ni Aziz anak die. Anak die [sambil ketawa] ikut perangai die lah nampak katanya tu kalau nak diikutkan macam saye. Saye berlakon pada arwah pada mak, eh arwah abah. Mat Nani suami kan, Jamil Sulong pastu berlakon dengan Mat Naninye. Dengan Mat Nani berlakon die pengarah pastu anak die pulak yang tue tu kan, anak dia yang tua pulak ada anak die yang tua pun pernah gak saye berlakon arahan cucu die.

NH: Haa tudia.

MJ: Berape generasi saya ikut-ikut tu.

NH: Haa.

MJ: Kan, samalah dengan ape ni ha, yang Dato' Yusof Haslam kan. Die, anak die apa tu si anak dia sorang lagi. Berape orang anaknye, due [2] orang, tige [3] orang termasuk Boy kan.

NH: Haah.

MJ: Dengan die, anak die tu, anak die tu pengarah yang tu, turun, turun, turun. Berape generasi tu haa. Anak Jamil Sulong tu yang tua tu anuar, anuar ape. Ape anuar anuar, anuar Dee anak Mat Nani yang sulongkan, Anuar Dee.

NH: Oooo.

MJ: Haa mengarah ikut die. Meletup cerite hantu tu yang baru hari cerite, apetu cerite alah yang cerite hantu tu. Pun meletup cerite tu, haa penanggalan, penanggal. Hm cerita hantu, meletup cerite tu. Ha pastu die *direct*(mengarah) pastu pade tu tak lama daripada tu, tengok anak die pulak *direct*(mengarah). Orang panggil aku jugak, berlakon pulak dengan Aziz Satar. Pun anak *direct*(mengarah) ape ni generasi macam mane. Banyaknye, satu [1], due [2], tige [3], empat [4] generasi hm.

NH: Mak Jah ada pengalaman seram dak masa berlakon?

MJ: Pengalaman?

NH: Seram, seram.

MJ: Eh ade. Kite menjerit, die pun menjerit. ARGHH (Menjerit)...pastu kechap kang die ARGH. Mulelah aku dekat dengan pengarah je. Takdelah aku jauh dengan orang lain [sambil ketawa]. Duduk mana orang ramai, situ aku duduk. Nampak pun ade haa pernah, pernah. Itu pengalaman dulu-dululah. Pernah nampak tapi kalau kite nampak sesuatu tu, jangan bagitahu budak-budak krew.

NH: Jangan tegoq.

MJ: Jangan tegur. Jangan bagitahu budak krew, sebab nanti diorang takut dah tak boleh buat keje. Ha dah habih buat keje, dah takde lagi *scene*(babak). Dalam tu semua duduk tu, ha baru cerite. Cakap Mak Jah ni tak nak cakap dengan orang, buat ape nak cakap ngan

kau. Iye kadangkan haa, kadang nampak dia. *Lighting man* (tukang lampu) tengah betulkan dia pun duduk situ, betul-betul kat situ. Hm kite nampak tapi kite takleh lah tegur. Hm kadang-kadang haa, *cameraman*(jurukamera) nampak. Kadang cameraman nampak belakang, nampak kat belakang. Tapi nak buat macam mane haa. Kalau teruskan buat. Mana yang boleh die buang, die buanglah haa [mengganguk].

NH: Ooo dia memang ada masuk dalam *camera*(kamera) semua la?

MJ: Dalam *camera*(kamera), die nampak macam *blur*(kabur) la kat belakang orang tu kan. Haa die ade. [sambil menggoyangkan kaki] Kena ingatlah setiap kita nak masuk hutan ke, bace bismillah, bagi salam Assalamualaikum. Kite kate bagi Assalamualaikum, kate Assalamualaikum penghuni sini, saye mintak ampun mintak maaf. Saye nak datang sini berlakon, nak cari rezki untuk makan keluarga. Kalau awak nampak saye tepilah, saye tak nampak awak. Kalau terlanggar keluarga awak ke, ape ape yang terlanggar barang barang awak. Saye mintak ampun mintak maaf sebab saye tak nampak barang-barang awak. Kene bercakap *direct*(langsung). Kene bercakap, itu pengalaman-pengalaman saye masuk hutanlah. Haa *shooting*(penggambaran). Tu saye tak bagi anak saye jadi *assist director* (penolong pengarah). Kau jangan jadi *assist director* (penolong pengarah), taknak.

NH: Satgi nampak.

MJ: Kau buat *catering*(katering) sudah.

NAA: Ooo...

MJ: Intan, anak sayekan dulu dulu sampai *assist director* (penolong pengarah). Tu tak bagi, takut die lemah. Buat *catering* (katering) ni je, *production*(produksi). Sampai sekarang die buat *catering production* (produksi katering). Ape nak buat.

NH: Masa dalam bangunan-bangunan tu pun macam selalu berlakon ada dak rumah yang..

MJ: Ade, ingat tak bangunan-bangunan yang tinggi dekat Kolumpo. Dekat *station*(stesen), *station*(stesen) bas tu pekeliling.

NH: ooo

MJ: Ingat tak? Yon pin ape, yang bilik satu[1] tu ah, yang flat bilik satu[1] . Yang tinggi tu, sekarang dirobuhkan kan dah. Tu *shooting* (penggambaran) situ..orang dah habih pindah dah. Tinggal due [2], tige [3] orang je, hehe (sambil tertawa kecil)

shooting(penggambaran) kat situ. Die merupe pulak, dalam *lift* (lif) tu. Merupa pengarah saye.

NH: Haa

MJ: Padanlah bercakap tak hendak je.

NH: Mak Jah tegoq ah?

MJ: Aaa tegur eh. “Tadi kau kan dah dah naik, eh turun turun turun lagi buat ape?”. Habih tu kan. Tah dah habih ke keje,” tak menjawab diam aje, aku pun tak tahulah. Turun bawah, die arah ke sana saye kalih ke depan saye, eh ade Raisuddin kat depan. Eh yang aku bercakap macam Raisuddinlah. “Eh Rais, kau baru turun dengan aku. Haih aku dah lama minum ni aku dah makan”. Astaghfirrullah, menggeletarlah lutut aku.

NH & NAA: [ketawa serentak]

MJ: Haa barulah, haa ade jumpe tapi takde lah. Kalau nak merupe pun, janganlah merupe yang mengejutkan mati aku nanti.

NH: Tulaa...

MJ: Kan, takut.

NAA: Rupe orang takpe.

MJ: Jangan kate tak takut, takut. Hm macam-macam pengalaman kite kan.

NH: Tapi dia tak pernah macam kacau macam cuit ka, bunyi bunyi ka apa takdak la en?..

MJ: Takdelah, tapi macam rase-rase die hembus-hembus tu adelah.

NH: Haish.

NAA: Lah takut.

MJ: Berangin rase. “Kalau kau nak hembus, janganlah kat telinga aku, pergilah hembus ke lain”. Cakap centu kan, die tahu tu kite cakap, kite rase, kan. Itulah pengalaman dulu dulu, buat *shooting*(penggambaran). Ikut drama, haa jadi *makeup artist*(jurusolek) tulah die. Jadi *makeup artist*(jurusolek), banyak pengalaman pahit yang jadi *makeup artist*(jurusolek), yang kite. Pahitnya ialah susahlah macam tu haa, contoh Sungai Ipoh dulu. Kitorang *shooting*(penggambaran) kat Ipoh kat rumah orang asli, sungai besar belakang tu kan. Kitorang *shooting*(penggambaran) dalam sungai tu. Time Aznah Hamid punye

scene(penggambaran) lah dengan Arip Shah, sekali tengah tengah *shooting*(penggambaran). Ape ni tengok air tu keroh je, banyak sampah. “Air dah keroh la aaa ape aaa cik ape Arip, cik Arip, sungai ni air dah keroh lah, tak jernih macam tadi”. Sejak tu orang asli cakap, “aaa semue naik, naik itu kepala air sudah keluar, naik naik”. Kitorang pun berkejar lah naik, aku ni tolong tarik Aznah Hamid. Ya sungai kan batu banyak, tarik naik Arip Shah naik tarik pulak *cameraman*(jurukamera). Pastu semue *cameraman*(jurukamera) dah tarik. Tarik, tarik Aznah Hamid, pun tarik Aznah Hamid ha, hulur kat *cameraman*(jurukamera) tarik die. Elok aku kemudian pulak, elok aku nak capai, aku air dah penuh, tak sempat aku lari. Diorang takut sangat saye dah lemas, tu pengalaman yang takut sangat. Dan satu [1] lagi *shooting*(penggambaran) di Kuale Sungai Baru Melaka, tempat die ade tasek. Bukan tasek, ape lorong kuale kan?

NH: Haah

MJ: Die ade kuale nombor satu[1], nombor tujuh[7] kan. Mase tu *shooting*(penggambaran) dengan eh aaa ape Azmi Abby. Orang dalam tu dah cakap, kalau nak pegi kuale, jangan pegi kuale lapan[8]. Tu ade buaye baru beranak. Diorang ni mana tahu buaye ape, kuale kuale, nombor nombor tu ha. Kite main pegi jelah. Ha, die elok habih *shooting*(penggambaran), nak balik. Sekali betul betul keluar buaye [membuat bunyi percikkan air] huish, dah keluar dah haa. Ambik sampan, lari kat laut. Tau tak sampan, ape laut tu, bile kat tempat tu die dah kering selut.

NH & NAA: Ooooo...

MJ: Selut. Susah nak kita kayuh, macam nak mampos ye. Nak pergi ke tempat air tu, ade kapal kecik lah untuk bawak kiteorang nak balik sane tu. Kat situ dalam lah boleh senang bende tu ape, lalu kan.

NH: Haaa...

MJ: Nak pegi kat situ, berkayuh lah dengan sampan tu, dengan selut tu. Ya Allah, ya tuhanku, tak tahu lah nak cakap.

NH: Takut...

MJ: Barang-barang *make up*(solekan) dah diorang dah ambik dah tauk pegi aku sampai dengan bot besar yang nak ambik kitorang kat tempat air dalam tu, habih tu terbalik pulak.

NH: Pulak dah.

MJ: Haa terbalik pulak bot tu, jadi Mak Jah buat cemani. Ambik gayong sampai dekat satu[1] badan, oh kaki diorang tengah ceni ceni [tangan terkapai-kapai]. Aku tangkap [sambil ketawa] kaki die, aku ikut. [pergerakan tangan memanjat] Sampai ade orang tariklah, naik kan. Haa baru boleh naik. Mampos separuh nyawe.

NH: Weh takutlah.[sambil menepuk dada]

MJ: Ulor, eh ulor. Takut buaye tu, buaye tu memang dalam selut je. (riak wajah risau)...

NH: Buaya tu besaq ka?

MJ: Oi besarlah ade anak kecik, sebab tu garang. Ade anak kecik.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Kite tak tahu. Kite berlakon, kite krew-krew main tahu. Mane kuale tujuh[7], mane kuale lapan [8].

NH: Yalah, mana kita nak pi tau number numbernya (nombor-nombornya).

MJ: Haa orang nelayan je yang tahu.

NH & NAA: Haa betoi (mengangguk serentak)

MJ: Gelak abang tu (sambil betulkan kain). Die kate, haa orang dah cakap jangan pergi situ. Mane tau tujuh[7], lapan[8].

NAA: Yelah, takde tandu. (tertawa kecil)

MJ: Takde tandu. Adik, diam jap (menegur cicitnya).

NAA: Macam Mak Jah kan Mak Jah cakap kalau macam zaman dulu filem drama meletup kan. Macam mane kite nak tau kate filem tu memang meletup?

MJ: Citarase kite buat.

NH & NAA: Oooo[mengangguk serentak]

MJ: Kalau kite rase tu susah sangat nak buat bende tu, bende tu mesti akan berjaya. Saye nak kan, aku nak yang terbaik. Semua nak buat, pelakon-pelakon semuanya kalau dulu dulu punye oranglah. Kalau buat tu, mesti [pergerakan tangan] kite nak yang terbaik.

NH & NAA: Beto! [mengangguk serentak]

MJ: Aaa takdelah kate [menggeleng kepala] nak main fikir duit, tak [menggerakkan tangan]. Tentang tu [sambil menyentuh muka] saye punye *contract*(kontrak) berlakon aje, ikut berlakon nak yang terbaik. Tak pikir lagi berape bayaran [pergerakan tangan], susah macam mane pun tenggelam bot ke ba _ _ air ke, tak pikir. Tak pikir tu lagi dah [menggeleng kepala], kite nak filem tu terbaik [pergerakan tangan]. Kite nak buat yang terbaik, haa itu dalam [mengangguk kepala] fikiran. Orang lain, saye tak tahu. Ah buat ape aku nak susah-susah, duit bukan banyak dapat. Tak, saye tak pikir duit [pergerakan tangan]. Dah takde dalam mate aku dah, [membetulkan tudung] fikiran tu nak buat yang terbaik [menggerakkan jari telunjuk]. Usaha buat yang terbaik [pergerakan tangan], saye tak nak pikir yang duit. Haa tu macam tu.

NH & NAA: (mengangguk serentak)

MJ: Tu jelah, kalau saye dapat sikit. Saye akan tengok *character*(watak) okay tak. Mase tu [pergerakan tangan] kalau nak bergaduh pasal [sambil menggaru dagu] duit, sebelum *sign contract* (tanda tangan kontrak) tu lagi.

NAA: Ooo sebelum.

NH: [membongkok, membetulkan rakaman audio di telefon bimbit]

MJ: Haa [sambil tersenyum] sebelum *sign contract* (tanda tangan kontrak). Bace sinopsis die, ape yang watak kite. Ape susah senang, nak bincang dulu ke. Haa mase itulah, sebelum *sign contract* (tanda tangan kontrak).

NH & NAA: (mengangguk serentak)

MJ: Dah *sign contract* (tanda tangan kontrak), kau tak boleh mintak lagi. Kau takleh cakap apalagi, kau mesti buat yang terbaik. Itu bagi diri Mak Jah, orang lain tak tahu [sambil tersenyum].

NH: Ada dak drama ka filem yang sampai sekarang [pergerakan tangan] bagi kesan kat diri Mak Jah? Macam Mak Jah masih teringatlah..

MJ: Macam mane?

NH: Macam bagi kesan terhadap diri Mak Jah. Macam Mak Jah, ha drama nilah yang aku rasa, tulah macam Mak Jah tulah. Memberi kesanlah kepada Mak Jah, ada?

MJ: Memberi kesan? [termenung] filemlah. P.Ramlee banyaklah, taktahu yang mane satu nak. Saye buat filem ni, Hujung Nyawe dengan Erra Fazira. Mase *shooting*(penggambaran) dengan die, memang best. Haa lepas tu *shooting*(penggambaran) Yusof Haslam, Bohsia Jalan Kembali. Kan aku jadi *gangster*(samseng) [memuncungkan mulut].

NAA: Scene(babak) tu orang ingat tu.

MJ: Haa aku jadi *gangster*(samseng). Orang panggil Rocky, Rokiah [sambil membetulkan kain]. Ade kan?

NH & NAA: Haah [mengangguk serentak]

MJ: Rocky.

NH: Haa ingat. Ingat, ingat [mengangguk kepala]

MJ: Dalam cerite tu terok. Sampai terok saye kene tumbuk, seret budak tu (menenyeh hidung). Sebenar nye *acting*(berlakon) je lebih, [pergerakan tangan] tapi tak lah kene ape. Tapi Sarina Sabri tu, die banyak tolonglah. Kite tolak die, die pun *acting*(berlakon) buang badan die kan. Haa [riak wajah teruja] itu, cerita tu dengan care saye. Saye puas hati [sambil menyentuh hidung].

NH: Puaih hati ?[sambil mengangguk]

MJ: Haa puaih lah.[sambil menggaru hidung] *Gangster*(samseng) tue en, *gangster*(samseng) tue mane ade[tertawa kecil]. Kan, mane ade lagi orang tue degil tak bertaubat lagi haa. Jadi dalam fikiran saye, dengan pakai saye. Dengan care saye bercakap [menggerakkan badan], ha itu orang tue [menggerakkan jari telunjuk] tak bertaubat namanye.

NH: Haa.

MJ: Hm benci pade orang baru datang kalau en [sambil menjengukkan kepala]. *Lecturer*(pensyarah) tu sume sayang je kat engkau [sambil mengetap bibir] kan. Kau ingat *cable*(kabel) kau besar dalam ni [pergerakan tangan] kan. Ade diorang tiru dalam Youtube [sambil membuang habuk dari mulutnya]. Kau ingat *cable*(kabel) kau besar ni, sume dah *lecturer*(pensyarah) suke sayang kat engkau [riak wajah marah]. Haa kau ingat *cable*(kabel) kau besar dalam ni haa [sambil menepuk paha]. *Last*(akhir) sekali tunjuk adegan, hm macam macam.

NAA: Macam Mak Jah rasa kan, kenangan yang paling manis dengan krew dengan barisan pelakon drama ni lah? Filem yang Mak Jah cakap ja.

MJ: Yelah, masa same same kite bekerjesame.

NH & NAA: Haaa [serentak]

NH: Sama dia punya *vibes*(aura) tu kan.

MJ: Lagi haa, satu[1] ingatan [menggerakkan jari telunjuk]. Lagi satu[1], Bohsia Jalan Kembali. Kepale saye, saye cakap dengan diorang. Aku carik berus jamban yang baru, sebab saye nak yang baru.

NAA: Haah.

MJ: Pasal kepale saye dah bace. Saye akan [pergerakan tangan] tarik seluar die, nak rodok ngan tu. Orang yang kite belasah kan.

NH: Haah [mengangguk kepala]

MJ: Saye tak tahu tau, saye dah buat buat tu. Ambik *prop*(peralatan) tu kan, haa amik *prop*(peralatan) tu. Saye gigit [gaya menggigit], saye mustahil lah sebelah tangan ni. Kita boleh tarik sebelah tangan, mesti due[2] belah [menggerakkan kedua-dua belah tangan]. Logik tak, ni dua[2] belah tangan [sambil menggaru]. Haa die terus menendang, tarik seluar die [gaya menarik seluar]. Berus tu aku gigit [gaya menggigit], mane kau nak tak kan. Takkan bawah, tak [riak wajah serius]. Saye gigit tangkai die tu, saye tarik seluar die pastu ambik tu, aku rodok. Kan [menyentuh hidung], lain lah kat situ, die nampak je macam gitu kan. Tapi [menggerakkan jari telunjuk] itu sejarah lah dalam Mak Jah punye lakonan filem. Tau tak berus tu, berus mane?

NH: Haa Mak Jah.

MJ: Aku ingatkan berus baru, lepas tu satu[1] kate ade berus ni. __ kau cakap ni, ni berus kat situ [memuncungkan bibir].

NH: Allah.

MJ: ***** kau, nak termuntah lah”.

NH & NAA: [ketawa serentak sambil menggeleng kepala] adoi.

MJ: Aku carut pecah budak tu.

NH: Tak lalu makan.

MJ: Tah lah. Tak tahu lah, lalu ke tak lalu ke. Perut dah lapar tengah hari.

NAA: Bedai jugak ah.

MJ: Haa tapi tu sejarah cite tu.[sambil mengangguk]

NH: Terkejut saya dengaq [sambil membetulkan tudung].

MJ: Maki ah budak *prop*(peralatan) tu. Tak sempat Mak Jah beli, tu nampak. Kepale hotak engkau.

NAA: Senang die.

MJ: Tak tahu lah Mak Jah nak terus gigit, kate die. Buat ape Mak Jah gigit, letak bawah. Kau gile engkau. Orang dah tengah marah, die tak peduli. Die letak kat sane, sini [pergerakan tangan]. Tu *character*(watak) aku [riak muka marah] haa.

NH: Berus jamban [mengeluh].

MJ: Ade satu [1] pergi kedai kan, budak tu. Mak Jah saye bile tengok Mak Jah, saye teringat. Ngilu, ngilu ape die. Berus jamban Mak Jah rodok tu [riak wajah geli].

NH: Lah pulak [sambil membetulkan kaca mata].

MJ: Berus jamban tu kan cerite, macam macamlah.

NH: Kalau Mak Jah rasa, apa sumbangan Mak Jah [sambil memandang skrip] dalam industri seni ni?

MJ: Macam mana?

NH: Macam apa sumbangan [pergerakan tangan] Mak Jah dalam industri ni.

MJ: Sumbangan saye pade industri ni [wajah berkerut]

NH: [mengangguk]

MJ: Sumbangan saye tu, ape yang saye lakukan dan saye bagi. Itu lah sumbangan, terpulanglah pade yang menilai. Sebenarnya, kite berlakon bagus tak bagus ni. Bukan kite nilaikan, orang luar yang menilai dan penonton nilai.

NAA: Haa masyarakat lah kan [sambil mengangguk].

MJ: Janganlah bange, ah aku buat yang terbaik ni. Tak [menggeleng], ade orang yang menilaikan. Penonton menilaikan, peminat-peminat yang menilaikan.

NH: Apa Mak Jah rasa, yang bagi dorongan untuk Mak Jah buat sumbangan-sumbangan ni [pergerakan tangan]?

MJ: Dorongan ni [riak wajah berkerut] daripada hati saye kerana Allah. Tu je, saye tak tahu pulak sape-sape. Haa takde [menggelengkan kepala], ini kerana hati saye dorong untuk bagi kerana Allah.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: [menggaru hidung] takde sape yang menyuruh, takde sape. Haa kan, hm.

NAA: Sebab kita nak buat.

MJ: Sebab hati kite nak ikhlas. Ooo takde penyanyi ke, ha takpe [sambil memandang ke arah tingkap] aku bolehlah. *Offerlah*(tawarlah).

NH & NAA: Haa.

MJ: Haa kalau die tanye, "Mak Jah boleh tak nak tuju lagu". Boleh, awak pergilah. Haa, bukan itu ja kan. Majlis kahwin pun.

NH & NAA: Haa.

NAA: MC pun boleh en.

MJ: Haa MC pun boleh, aku buat aje.

NH: Boleh apa pun haa [menggerakkan kepala]. Mak Jah ada sapa-sapa dak yang, yang banyak tolong Mak Jah dalam seni bidang apa industri. Buat sumbangan sapa-sapa?

MJ: [Riak wajah berkerut] Jiran-jiranlah biaselah, janji kite ni semue baik dengan jiran-jiran Tak kira susah ke senang ke, orang tu kaye ke, datin ke. Ramai [mengangguk kepala] datin-datin semue bagi "Mak Jah, ape khabar?". Datin kan, "jom kite pergi makan durian Mak Jah".

NH: Haa jom.

NAA: Rezeki.

MJ: Rezeki. Mak Jah, nanti jom kite beli makan nasi lemak beringin. Nuu dekat nuu kat Maisarah tu. Boleh tak aku tunggu, saye tunggu kat *chef*(cef) ni. Boleh, saye pergilah. Tak kisahlah, janji saye baik. Saye mintak jangan ade musuh [mengerut wajah]. Kalau ade sesiapa yang musuh dengan saye, mintak ampun mintak maaf banyak-banyak dari hujung rambut ke hujung kaki. Kan, sebelum Mak Jah tutup mate.

NH: Beto! [sambil membetulkan audio di telefon]

MJ: Habih ah.

NH: Hmm. [membongkokkan badan] *okay*(baik).

NAA: Boleh saye tahu tak, ape perkembangan terkini Mak Jah? Macam daripada segi kesihatan.

NH: Dia punya filem-filem.[pergerakan tangan] Haa macam tu, kesihatan, filem semua. Perkembangan Mak Jah ha.

MJ: Hm buat sekarang ni lah [sambil menyentuh muka], buat mase sekarang ni alhamdulillah. Penyakit Mak Jah, kanser dapat dikawal. Alhamdulillah. Tentang pemakanan, banyakk. Tapi sekarang ni, saye dah tak makan ayam, daging. Daging memang dari dulu dah takleh makan[pergerakan tangan].

NH: Ooo[mengangguk kepala].

MJ: Ayam dan ikan, saye kurang makan. Saye banyak makan sayur-sayuran. Maksudnye, kalau buat tomyam ke, buat ayam yang agak kite. Tu saye ade tomyam. Maksudnya, saye suke makan sayur-sayuran dulu.

NH: Haa [sambil mengangguk kepala].

MJ: Bubuh sayur bayam ke.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Sayur-sayuran dengan buah buah, sayur sayur [mengangguk kepala] pastu apalagi. Die punye kesihatan kene jage, ubat *doctor*(dokter) [sambil mengangguk]. Jumpe *doctor*(dokter) saye perlu.

NH: Berapa, berapa kali sebulan? Sebulan sekali lah?

MJ: Ah dak. *Appointment doctor* (temujanji doktor), darah tinggi dengan kecing manis. Due [2] bulan sekali.

NH: Oh, dua bulan sekali [mengangguk kepala].

MJ: Kanser sebulan sekali. Kadang due [2] bulan sekali, tengok pade *date doctor* (tarikh doktor) tu lah[sambil mengangguk]. Ubat tu memang diorang hantar ke rumah [pergerakan tangan].

NH: Haa [mengangguk kepala].

MJ: Dia *post*(pos) kat rumah.

NH: So, memang Mak Jah *consume*(memakan)[pergerakan tangan] sampai harini lah?. Ooo

MJ: [mengangguk kepala] Haa.

NAA: Belanje untuk ubat tu semue [pergerakan tangan], tinggi tak Mak Jah?

MJ: Yang tinggi ubat ni, kanser je. Haa ubat-ubat lain tu, kencing manis, darah tinggi sume dapat *sponsor*(tajaan) kerajaan. Haa takdelah kene bayar, ubat apeni. Kanser, sebijik tu seribu due [2] ratus.

NH: Ui... [terkejut]

MJ: Ha, itu je Mak Jah kene keluar duit [sambil tersenyum].

NH: Haa [mengangguk] yang tu ja rasa sikit [pergerakan tangan].

MJ: Yang tu [pergerakan tangan] sebijik je makan sekarang ni. Masa *control control* (kawal kawal), jangan die *active*(aktif). Dulu memule kene, 2015, 17, 18. Tige [3] empat[4] bijik satu[1] bulan. Tige [3] bijik, due [2] bijik. Sekarang ni sebijik[pergerakan tangan], bermakna die dah [pergerakan tangan]. Sekarang ni, tengoklah bulan. Bulan enam[6] tahun depan nanti gi *check*(periksa), kalau tak perlu makan, tak payah [menggeleng kepala] makan. Mungkin kan, centu kan [senyum sambil membetulkan kain].

NAA: Mahalnya.

MJ: Hm yang tu je yang mahal. Nanti kite takde *shooting*(penggambaran) ni, pandai-pandailah.

NH: Haa [mengangguk kepala].

MJ: Kene jage, kate yang banyak sumbang duit kat saye. Walaupun saye tak *shooting*(penggambaran), [sambil mengangguk] Haji Zeel *production*(produksi).

NH: Ooo. Banyak bagi sumbanganlah [sambil membetulkan audio di telefon]

MJ: Banyak bagi duitlah. Haa, hang dah ada ubat tak [sambil tersenyum]. Die tanye macam tu.. kate kalau haji nak bagi, bagilah. Dia masuk, dia masuk, mesti seribu ke atas.

NH: Oooo[sambil mengangguk kepala]

MJ: Die bagi due [2] ribu. Kalau lame tak *shooting*(penggambaran), tige [3] bulan, empat[4] bulan. Die beri due [2] ribu, seribu.

NH: Teringat jugak kat Mak Jah.

MJ: [mengangguk] hm kan. Haa die, die baik. *Production*(produksi) yang terbaik bagi Mak Jah.

NH: Haa.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Die tak berkire, die banyak menolong orang. Macam Mak Jah, pasal Mak Jah banyak bagi die. Mak Jah pun banyak *shooting*(penggambaran) dengan *production*(produksi) die. Kalau die panggil Mak Jah *shooting*(penggambaran), Mak Jah tolak baru-baru ni. Mak Jah tolak 13 episod sebab kaki Mak Jah dah tak kuat. Dalam cerite tu, aku kene heret [pergerakan tangan], kene tendang orang ni. Meronte- meronte, haa die tolak. Mase tu tak kuat kan, mintak maaf ji. Saye selame ni, tak pernah tolak drama haji [sambil menggeleng]. Kalini saye tolak sebab saye tengok cerite die, saye kene tolak. Haa takpa, saya pun tau lah. Kami semua paham, [sambil tersenyum] tapi duit die hantar.

NH: Eh, haa tak *shooting*(penggambaran,) tapi dia hantaq? [tertawa kecil]

MJ: Haa, seribu lebih ni haa, ade lagi dalam akaun[riak wajah gembira]. Seribu setengah die bagi.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Agaknye die dah bagi orang-orang lain dah, yang *balancenye*(bakinya) bagi aku[sambil tersenyum].

NH & NAA: Ha... [tertawa kecil]

MJ: Baru habih *shooting*(penggambaran) kan [sambil menggaru kepala]. Haa cerite tu baru habih *shooting*(penggambaran). Saye tak ambik, tapi die bagi [sambil tertawa]. Alhamdulillah lah, saye sentiasa doakan die. Biarlah banyakkkan rezeki die, murahkan rezeki die, bagi die kesihatan yang secukupnya. Kalau die sihat, die jalankan *business*(perniagaan) die, maju. Kite merase jugak [pergerakan tangan] kan, haa [sambil tersenyum].

NAA: Beto!

MJ: Tulah tu, mintak die lebihkan rezeki. Kesihatan badan die.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Saye sentiasa doa die. Setiap waktu saye doa, ni haa masuk asar ni, sentiasa doa [sambil mengangguk]. Asar ni lah pertukaran [pergerakan tangan], kite berdoalah ape yang patut.

NH: Haa, tu selain daripada tu Mak Jah ada punca atau sumber rezeki [pergerakan tangan] yang lain tak?

MJ: Takde...[menggeleng]

NH: Takdak [menggeleng].

MJ: Takde [menggeleng] punce lain. Haa Baitulmal lah bantu. Empat[4] ratus sebulan, empat[4] ratus sebulan nak beli *pampers* (lampin pakai buang). Mak Jah nak kene pakai *pampers* (lampin pakai buang).

NH & NAA: Haa. [mengangguk serentak]

MJ: Kalau pi berjalan pun pakai *pampers* (lampin pakai buang), kalau dok rumah taklah [pergerakan tangan].

NH: Haa yelah pi jalan [pergerakan tangan] takut haa.

MJ: Takut, haa ni meleleh die kang.

NH & NAA: [ketawa serentak]

MJ: Rase nak kencing nak tahan, tak tahan die akan keluar [pergerakan tangan].

NH: Haa [mengangguk].

MJ: Nak kencing, kang meleleh leleh habih [pergerakan tangan]. Bile kite nak semayang kang. Habih baju, senang bile kite macamtu [menyentuh mata]. Mak Jah pakai bile kite pergi jalan-jalan [menggerakkan jari telunjuk]. Tu pi bilik air tukar, amik air semayang. Tukarkan [pergerakan tangan], semue tak kene.

NH: Haa yelah, haa betoi.

MJ: *Pampers* (lampin pakai buang) je kene tukarlah, *pampers* (lampin pakai buang). Baru tak kene baju, bersih.

NH: Haa betoi.

MJ: Haa, banyak kawan-kawan aku, tak boleh lah pakai pampers [riak wajah berkerut]. Eh aku tak kuase aku, turun naik turun naik pergi kencing. Haritu, kawan tu duduk dalam bas tu, kencing dalam kain. Habis satu[1] bas, kan dah bau hancing [riak wajah tidak berpuas hati].

NH & NAA: [tertawa serentak]

MJ: Saye ajar die, die tak biase. Kene biasekan [riak wajah tidak berpuas hati] kan.

NH: Haa...[mengangguk]

MJ: Kadang-kadang tak sempat.

NAA: Yelah, nak terkeluar tu. Terkeluar je [pergerakan tangan].

MJ: Hm yang mude yelah. Orang tue, die kadang-kadang dah tak mencerut lagi, paham [pergerakan tangan].

NH & NAA: Haa [ketawa serentak]

NAA: Gripnye(cengkaman) dah tak ade.

MJ: Haa tak ade.

NH & NAA: [ketawa serentak]

MJ: Rase nak kencing, die nak kencing je. Haa, sekejap aje untuk nak selak kain tu kan [pergerakan tangan].

NAA: [mengangguk]

MJ: Betul, kat rumah ni kadang berlari-lari. Tu khas bilik air Mak Jah [menunjuk ke bilik air], tepi tepi tepi tepi...[menjerit]. Ha nak kencing masa tu.

NH: Haa betoi la tu.

MJ: Macam-macam.

NH: Mak Jah ada rancang apa-apa dak [pergerakan tangan], untuk dunia lakonan nanti.

Untuk masa depan, kot dapat watak-watak yang Mak Jah inginkan ka?

NAA: Ada tak watak yang.

NH: Watak yang Mak Jah inginkan. [pergerakan tangan]

NAA: Yang Mak Jah tak dapat lagi nak berlakon [pergerakan tangan].

NH: Mak Jah nak sangat watak tu.[pergerakan tangan]

MJ: Mak Jah suke watak pekak dan bisu. [tersenyum]

NH & NAA: oooo[terkejut]

MJ: Pekak dengan bisu [sambil menggoyangkan kaki] teringin.

NH: Pastu Mak Jah dapat belum, belum? [menggeleng]

MJ: Ade dapat, dramalah Raisuddin direct. Meletup gak lah drama tu tapi rase nak buat lagi baik [tersenyum]. Rase nak buat lagi baik. Pasal kite ikut *character*(watak) tu dulu, saye dihantar oleh Raisuddin ke rumah orang Tampoi, Perak kan. Haa pagi die hantar, lepas *breakfast*(sarapan) die hantar. Kang lepas zohor kang, orang nak makan tengah hari, ambik kite makan. Bawak pegi lokasi makan, haa pukul due [2] lebih kang. Hantar balik.

NH: Hantaq balik.

MJ: Pukul empat [4] lebih, lime [5]. Ambik balik.

NH: Haa..

MJ: Tige [3] hari aku macam tu, nak nengok satu [1] orang tu punye watak.

NH: Oooo...

MJ: Ikut *character*(watak) orang tu..

NH: Kira Mak Jah duduk situ, Mak Jah tengok.

MJ: Tengok satu[1] orang yang [menggerakkan jari telunjuk] gile betul-betul. Dimane Raisuddin nak [gaya menunjuk], orang gile yang mane. Oh, yang tu haa, yang tu. Pastu cakap Kedah (Malaysia) lak tu. Apa depa buat [pergerakan tangan], orang suruh mengaji alip ba ta [menghayunkan tangan] sa, hang pi baca abc *I got I know I* (saya dapat saya tahu saya) tu. Die macam gile orang yang [menghayunkan tangan].

NH: Yang tinggi-tinggi [menghayunkan tangan]

MJ: Hm [menggaguk] agaknye. Bantai die cakap ape. Lepastu keluar pade situ, sampai kat *traffic light* (lampu trafik) [pergerakan tangan]. Orang tu bukan die tunggu merah [menyentuh hidung], die main lalu je, tak boleh. Tak boleh kite berhenti, kalau kite berhenti karang taklah nampak gile. Faham tak.

NH & NAA: Faham.

MJ: Jadi, baik lampu merah ke, lampu hijau [menghayunkan tangan] ke, biru ke. Aku jalan [pergerakan tangan] aje, ade satu[1] cine tu van ke lori tah, “hoi gila ka?” [pergerakan tangan]. Kene berjalan, ha kite buat tak tahu je [sambil melangut ke atas]. Buat tak tahu je jalan, lalu buat tak tahu. Ikut [pergerakan tangan] kene kat *traffic light* (lampu trafik). *Traffic light* (lampu trafik) lah kete tengah jalan ke, lantak aku lalu lah. Die berhenti nak bagi kite lalu, dengan kain kite baju kurung kedah dengan serabai kite.

NAA: Haa lah, nampak lah.

NH: Haa macam tak betoilah [memusing jari telunjuk di kepala]

MJ: Gila ha tak betul, haa kain tu pulak terbelah.

NH & NAA: [ketawa serentak] Paham-paham lah tu

MJ: Haa, baju pulak terebeh kan, terebeh sini. Rambut mengurai-ngurai.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Tapi seronok, kalau boleh komedi seram, komedi bisu kan atau pun pekak pekak boleh kite mainkan *character*(watak).

NAA: Betoii [mengangguk]

MJ: Haa, saya bukan nak cantik-cantik ni. Datin - datin tak nak [menggeleng].

NH: Ooo takmau [menggeleng], tak teringin?

MJ: Ade lah buat. Tapi care datin korporat ni, jalan pun nak [gaya mendabik dada], datin.

NH: Yang macam tu, macam tu [menggerakkan badan].

- MJ: Kan, kalu yang tue, yang korporat ni karang. Adelah care pakai die. Haa macam-macam lah kite kene [menggaru tangan] buat kan, satu [1] persatu rase. Mak Jah lambat kene macam tu je, kedebak kedebuk kedebak [membuat bunyi]. Bagi Mak Jah la, kalau korporat-korporat ni care duduk takkan nak duduk terkangkang-kangkang macam ni [membuat gaya kangkang].

NH: Haa, haa yelah sopan.

MJ: Sopan kan, pakaian pun nak elok. Kasut pun [memandang kaki] nak berjenama

NH: Haa yelah.

NAA: Kilat.

MJ: Kilat, gelang emas besar-besar ni tak penting, die sikit je [menunjuk gelang].

NH: Haa.

MJ: Ha tulah die. Tak tahulah macam-macam lah, tudung pun nak cantik macam tu lah. Nak jadi datin-datin ni kan.

NH & NAA: Haa.[mengangguk serentak]

MJ: Ade yang datin *simple* (mudah), ade yang datin yang, kalau datin daripada kampung lain.

NH: Ha yelah ha

MJ: Berat sini [pergerakan tangan di dada], berat sini [pergerakan di tangan],

NH: Nak tunjuk tu [tertawa kecil]

MJ: Tu datin kampung, macam macam.

NH: Iyela [tertawa sambil menunjuk ke arah skrip].

NAA: Ape harapan Mak Jah dalam dunie seni harini?

NH: Ni last lah, Mak Jah.

MJ: Harapan Mak Jah, harapan Mak Jah ketike Mak Jah dah tutup mate, hantarlah al-fatihah untuk Mak Jah. Mak Jah tak mintak ape-ape [menggeleng kepala].

NH: Hm [mengangguk].

MJ: Sesiapa yang mengenali Mak Jah, sape yang tahu Mak Jah. Kalau buat tersilap-tersilap ape, Mak Jah mintak maaf. Kite makan ke minum, mintak halal dunie akhirat, yang Mak Jah mintak hanye satu [1] je. Hantarlah fatihah pade Mak Jah [mengangguk] bile Mak Jah dah takde nanti.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Tolonglah, itu je Mak Jah mintak. Mak Jah tak nak mintak ape-ape [menggeleng]. Nak mintak ape, nak *glamour* (daya tarikan). Nak ni [mendongak ke atas], eh memang tak ade lah.

NH: Dalam dunia lakonan, Mak Jah ada apa-apa macam berharap ada [pergerakan tangan] perkembangan apa-apa ka tak dalam bidang lakonan ni?

MJ: Perkembangan segi apalagi?

NH: Perkembangan macam depa macam ujibakat ka dulu.

MJ: Ujibakat saye?

NH: Tak [pergerakan tangan], ujibakat pelakon-pelakon sekarang ni ka, ha macam tu lah..

MJ: Haa macam ni lah [mengangguk], yang sebenarnya pelakon-pelakon sekarang kalau nak betoi-betoi jadi pelakon, masuk aswara.

NH & NAA: Haa.

MJ: Masuk kelas teater, kelas. Mak Jah baru-baru ni, masuk dalam bengkel [menggoyangkan kaki]. Kelas bengkel lakonan, penting. Itu penting, kelas lakonan. Kelas ape dalam lakonan ni, ape bengkel. Masuk budak aswara, *yes!* (betul) [menunjukkan simbol bagus]. Tu betul-betul belajar.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Belajar buat dari kursus semua betul-betul. Ini banyak yang tempel [menunjuk ke tepi], *extra-extra*(tambahan-tambahan) ni. Aku bukan nak cakaplah, kalau dengar diorang marah. Semue tempel macam tu je, tah mane-mane goyangnye. Tah mane-mane ape takde, pastu belagak [pergerakan tangan]. “Kitorang veteran” kate die, sebab tu Mak Jah bangkang [pergerakan tangan].

NH: Veteran apa.

MJ: Haa, die veteran. Yelah umur dah tue.

NH: Haa.

MJ: Masuk berlakon tapi takde telatah ape [menggeleng]. Saye sebagai “ye”, aku cakap. [pergerakan tangan] “Kau memang umur kau veteran, lakonan kau belum veteran [gaya tidak]. Kau belum sampai sepuluh[10] tahun lagi berlakon, kan. Belum veteran, yang [menggerakkan jari telunjuk] veteran hanya umur kau. Lakonan kau belum veteran lagi”. Aku bangkang, banyak la diorang marah. Tapi saye cakap yang betul, yang berape lapisan nak jadi [pergerakan tangan] pelakon lapisan. Pelapis-pelapis nak jadi pelakon [membeliakkan mata], pelapis-pelapis bukan [menunjukkan gaya tidak] kau baru masuk. Baru masuk dalam ni tak sampai setahun, bukan. Pelapis adalah keluar daripada aswara-aswara ataupun [pergerakan tangan] kelas-kelas lakonan yang ditaja oleh seniman-seniman dulu ya. Tak ade bagi masuk kelas lakonan tu selame enam[6] bulan. Ade yang tige [3]

bulan kan, banyakkkan daripada bengkel-bengkel ape bengkel lakonan. Masuk dalam tu [pergerakan tangan] baru boleh gelar pelakon. Kalau kau *extra*(tambahan) macam tu, takde kelas ape-ape, tetap lah kau *extra*(tambahan) sampai bile-bile. Saye bagi macam tu. Kau taknak usaha, taknak kursus [pergerakan tangan], tak nak belajar, tetibe kau nak jadi tempek kat situ. Kau ingat bagus, orang boleh nilai [menunjuk ke hadapan] kerje engkau.

NH & NAA: Betoi [mengangguk serentak].

MJ: Yang menilai [menunjuk ke hadapan] kite berlakon ni bukan diri kite, nilaikan kite berlakon bagus [menunjuk di sekeliling]. Orang yang nilaikan, kita tak nilaikan.

NH: Betoi [mengangguk]. **Kita tak nilai sendiri [tangan ke dada].**

MJ: Takde. “Jangan kau, sape yang menilai [menunjuk ke hadapan] diri die sendiri. Dia bodoh”.

NH: [ketawa]

NAA: Betoi.[mengangguk]

MJ: “Bongok” [riak wajah marah]. Aku cakap gitu pastu Amri tu punye gelak, Dato’ Mimi punye gelak.

NH: Yelah [sambil ketawa]

MJ: Hm kite berlakon, saya tak bangga [menggerakkan jari telunjuk]. Tapi lakonan saye, yang boleh bangga adalah peminat saye dan orang-orang yang menonton cerite saye.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

NAA: Betul, jalan penyampaian cerite tu.[pergerakan tangan]

MJ: Haa, jalan penyampaian tu, kan. Kalau kau daripada *time*(masa) tu, tak sampai 10 tahun berlakon ni nak bayaran same. ***** kau.

NAA: Haa [ketawa]

NH: Eh [menekup mulut]

MJ: [menekup mulut]

NH & NAA: [ketawa serentak]

MJ: Maaf ye. Haa, tak bolehlah. Kitorang ni 40 tahun dah [menunjukkan empat jari], same dengan Fauziah Nawawi [pergerakan tangan] semue tu kan. Kau baru sampai belum 10 tahun dah gelabah.

NH: Dah kata veteran.

MJ: Dah veteran, umur je veteran.

NAA: Haa, lakonannye.

MJ: Lakonannye tak ade pun, veteran.

NH: [menggeling kepala]

MJ: Macam-macam, lebih nak *glamour* (daya tarikan).

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Itu nak *glamour* (daya tarikan) la namenye. Saye taknak pandang *glamour* (daya tarikan), *glamour* (daya tarikan) takde. Ape tapi saye, kalau nak *glamour* (daya tarikan) buat betul-betul dan meletup cerite tu [menggoyangkan jari telunjuk] kerane kite yang melakonkan *yes*(betul) [menunjukkan simbol bagus].

NH: Haa [mengangguk]

MJ: Itu betul. Eh macam-macam lah zaman sekarang ni, tahlah aku kadang kalau tengok kan [menongkat badan] majlis-majlis. Kadang majlis-majlis besar pun kalau ade VIP Yayasan artis semue, die tak panggil yang [menggeling kepala] ni, yang *extra-extra*(tambahan-tambahan) ni. Katelah nak pakai 10 orang ke 20 orang ke, die akan panggil yang [menggerakkan tangan] lame. Saye, [mengira] Fauziah Nawawi, aaa yang ade name [menggerakkan bahu]. __ ape semue tu yang ade name je die panggil. Die yang pergi untuk VIP lah selalu tu panggil jamuan kan. Kalau yang besar-besar tu diorang tak panggil, kenapa tak panggil. Takde dalam,[menggerakkan jari] takde dalam monitor. Takde, macam mane nak buat.

NH: Haah yelah. [membetulkan pelitup muka]

MJ: Kena sedar tu, kene sedar. Kadang-kadang kite ade VIP. Kau ingat, kite suke ke pergi VIP tu [menongkat badan], suke tu memanglah suke. Orang hargai kite kan.

NH: Orang layan kita elok-elok [menunjuk diri].

MJ: Kan, makan tak lalu.

NH: Oh.

MJ: Makannye protokol, Tak gune sudu pun tak boleh, tak kenyang pun. Aku balik pade [menggerakkan jari telunjuk] haa apeni, jamuan-jamuan tu. Aku pergi kedai mamak, makan mi goreng ke, roti canai, lapar.[riak wajah berkerut]

NAA: Yelah makan kena tertib

NH: Kawai-kawai [pergerakan tangan]

MJ: Haa, kawai.

NH: Mak Jah.

MJ: Balik lapar, haa

NH: Dulu masa penggambaran yang dulu kan [menghayunkan tangan], dia ada beza dak?

MJ: Penggambaran dulu dan sekarang.

NH: Hat set peralatan dia [pergerakan tangan].

MJ: Die banyak beze die, haa peralatan die sekarang banyak yang canggih.

NH: Haa [mengangguk]

MJ: Banyak yang baru-baru, lampu dulu pakai [pergerakan tangan] tukil, ha panas kau boleh tercabut nyawe kan.

NH & NAA: [ketawa serentak]

MJ: Kan.

NAA: Haa [mengangguk]

MJ: Tukil tu kuat panasnye tau. Sekarang die dah pakai lampu yang [menghayunkan tangan ke atas], ape tu kan.

NH & NAA: Haa.

MJ: Haa banyak canggih sekarang.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Dah banyak dah. Hm banyak keistimewaan die, ha zaman sekarang berlakon dah tak panas lagi.

NH: Macam lagi senanglah [pergerakan tangan]

MJ: Haa [mengangguk] kalau dulu nak menghadap tukil lagi [menunjuk tangan ke kanan], berpeluh lagi, kejapkan. Apelagi ade lagi.

NH: Nak tanya apalagi ni [menunjuk skrip]

MJ: Ni kau *edit*(sunting) baliklah ni.

NAA: Haa *edit*(sunting) balik takpe [pergerakan tangan]. Haa Mak Jah ape beze artis dulu dengan sekarang?

MJ: Artis dulu dengan sekarang?

NAA: Haah.

NH: Apa beza dia? [pergerakan tangan]

MJ: Beza die, perbezaan die artis dulu memang hormat-menghormati [mengangguk] sesame sendiri. Walaupun kite seorang *makeup artist*(jurusolek), ataupun diorang tu krew marah pelakon-pelakon, dulu memang jujur dengan ikhlas tak pernah sailang orang.

NH: Macam sama ja.[pergerakan tangan]

MJ: Sama. Sailang tau tak sailang?

NH: [menggeling]

MJ: *Job*(kerja) kite ni, orang tu ambik [menunjuk ke tepi]. Katenye ade.

NH: Haa.[mengangguk]

MJ: Kate kat orang ni bayar tige [3] ribu kan, die bayar seribu pun takpe. Ha yang tu sailang.

NAA: Haa.[mengangguk]

MJ: Die sailang kite. [mengangguk] Haa, dulu takde [menggeling]. Dulu-dulu takde sekarang ni banyak yang macam tu. Ha tak payahlah panggil Mak Jah tu, die tak sihat. Bukan boleh buat pun.

NH & NAA: Haa.

MJ: Bagi dielah, “*i*(saya) tengah apeni duduk rumah”. Same gak alah, - - kate nak bayar Mak Jah tige [3] ribu, kat die seribu je die ambik.

NH: Ooo

MJ: Seribu setengah pun die ambik, haa [senyum dan mengangguk] jangan tak tahu.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Haa, jangan tak tahu.

NH: Oh, macam tu pulak.

MJ: Haa, lagi ade Mak Jah baru terime dululah. Dulu tak dulu [pergerakan tangan], berape tahun lepas. Die nak panggil Mak Jah *shooting*(penggambaran), cakap Negeri Sembilan, kat Pilah cakap enam[6] hari jelah. Enam[6] hari [mengangguk], die nak bayar Mak Jah empat[4] ribu, okaylah tak kisahlah.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Cerite tu Mak Jah memang suke, cakap Negeri Sembilan. Lepas tu cakap ngan die boleh tak, kalau aku punye *date*(tarikh) tu tukar satu[1] hari je. Aku nak pergi *appointment doctor* (temu janji doktor). Pastu esok tu, aku pergilah. Ape masalahnya, memang aku drive(memandu) sorang-sorang kan. Itu tak boleh, bukan tak boleh. Die tak bagi tau, ni lah nanti saye bagitahu balik. Haa okay, takdelah ni baju [menunjuk kearah tepi] dah packing ni. Tak panggil lagi *contract*(kontrak) tak *sign*(tandatangan) lagi ni, [riak wajah marah] telefon lepas pade tu [berfikir] berape hari telefon lagi. Ha macam mane, saye cakap ngan PM die. Jadi tak ni, *shooting*(penggambaran) kat Pilah ni. Jadi Mak Jah, mintak maaf Mak Jah. Saye terlupa bagitahu Mak Jah, tak jadi lah ambik Mak Jah. Ambik orang lain. Meruap Mak Jah. [riak wajah marah]

NH: Kita dah *packing*(mengemas) [pergerakan tangan] dan ni semua.

MJ: Ha, takpe. Habih sape ganti die, dah ade orang ganti ke? Aku cakap lembut lagi ni. Aaa Mak Wan, *okaylah*(baiklah). Tak kisah, Mak Jah tanye pasal harge. Eh die diam, [memandang ke atas] sampai hati kau taknak telefon Mak Jah balik [riak wajah berkerut].

NH: Yalah, *atleast*(sekurang-kurangnya) bagitau lah [pergerakan tangan].

MJ: Mak Jah *packing*(mengemas) dah due [2] hari. Dah *shooting*(penggambaran) dah due [2] hari. *Okay*(baik) [mengangguk], pi dekat ape seniman. Ni siapa ni, Zed Zaidi bagi die. Zed kau ambik tindakan ni, Zed. Kalau kau taknak ambik, aku ambik tindakan. Ape die Mak Jah, aku pasai ni ni orang [menggerakkan jari telunjuk], name PM die, pengarah die

ni ni ni. Die janji ngan Mak Jah nak *shooting*(penggambaran) dekat Pilah. Die panggil nak bayar empat[4] ribu, tak kisahlah dengan bayar tu. Mak Jah minat ngan aaa ape.

NH: Die punye *character*(watak) tu [pergerakan tangan]

MJ: Die punye *character*(watak) tu dengan cakap tu.

NH: Haa betoi.

MJ: Sekali kau tau tak die, die takde bagitau Mak Jah. Die tak jadi. Mak Jah dah *packing*(mengemas) barang ni nak pergi je, die tak bagitahu. Kene ajar PM ni.

NH: [mengangguk]

MJ: Ni, ni kau tolong. Kalau tak tolong, aku ambik tindakan. Naik atas nanti.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Kan, ape ni kene marah [pergerakan tangan] saye pun telefon Mak Wan. “Dapat *job*(kerja) eh? Haah *director*(pengarah) kate Mak Jah taknak”.

NH: Eh. [terkejut]

MJ: “Wan ambik”, “berape ribu die bayar kau, banyak ke. Alah seribu setengah Mak Jah”. Kire die bayar berape ratus satu [1] hari lah. “Empat [4] hari dengar haritu, empat [4] hari seribu setengah”. Ooo gitu, ha takpelah mungkin pasal ni [pergerakan tangan]. Bagitahu Zed die seribu setengah, aku punya perjanjian empat [4] ribu. Takpelah.

NH: Sehari ja pun [mengangkat jari telunjuk]

MJ: Haa.

NH: Yang pergi *appointment* (temu janji) tu, sehari ja pun.

MJ: Haa pastu, Zed Zaidi die cakap, cakap. Zed telefon PM die kan, ape *production*(produksi) punye ni ni ni [menggerakkan jari telunjuk]. Zed Zaidi tanye seniman, gegar die punye *producer*(penerbit) [pergerakan tangan]. Pastu “aaa Mak Jah” die kate “Mak Jah telefon, aaa bahagian drama ni TV3. Aku tak boleh telefon TV3, kalau aku telefon, [menunjuk ke arahnya] aku sebagai artis nanti diorang taknak angkat. Kau [menunjuk ke arah depan] *president*(pengerusi) yang jadi seniman, kau telefon mesti dapat”. Telefon die Zed Zaidi, Zed Zaidi ikutlah. Die telefonlah TV3, bergegar TV3. Orang dah *shooting*(penggambaran) due [2] hari, tige [3] hari kan.

NH & NAA: Haa.

MJ: Pastu kan. Tengok penulis die pulak, Mufid. Mufid tu memang dah tulih name Mak Jah [sambil menunjuk ke skrip] kat situ watak tu.

NH & NAA: Haa.

MJ: Mufid kate memang ade tulih name Mak Jah dengan gambar Mak Jah [menunjuk kearah skrip], ade name watak kan.

NH: Haa...

MJ: Mufid kate, “kenape Mak Jah punye dalam [menunjuk kearah skrip] situ tujuh[7] ribu”.

NH: Uih uih [terkejut]

NAA: [terkejut]

MJ: *Leading*(mengetuai) tu, tujuh [7] ribu. [mengangguk] TV3 keluarkan [menunjuk kearah skrip] tujuh [7] ribu tu, *leading*(mengetuai). Die ambik ape, die nak ambik untung tu. Bergegar TV3, Zed Zaidi hentam balik. [menghayunkan jari] *Production*(produksi) die pergi seniman [menunjuk ke arah hadapan], punye orang *check*(memeriksa). Krew-krew pun takde prima punye [menghayunkan jari], takde ahli seniman. [riak wajah marah]

NH: Oh [terkejut]

MJ: Takde ahli prima. [menghayunkan tangan] Krew die ade sorang je, ade ahli prima. Seniman punye ape pun takde. [menunjuk isyarat tiada] Seniman pun takde, cume Mak Wan jelah pelakon seniman.

NH: Laa [mendongak] kesian. Seluk ja semua.

MJ: Nampak tak die punye *producer-producer*(penerbit-penerbit) die semue. Gegar die semua, *stop shooting* (penggambaran dihentikan) [isyarat tangan berhenti]. Buang tak pakai *producer*(penerbit) mai menyembah Mak Jah [menuding ke hadapan]. Telepon itu hari, “bolehlah Mak Jah, Mak Jah buat lah balik [membetulkan kain] tolong ni ni”. “Taknak, [menggeleng] saye kalau dah ludah, saye takkan jilat balik”.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Saye kalau awak bagi saye pun, saye takkan kaye.

NAA: Beto![mengangguk]

MJ: Buat ape kite buat, hati kite sakit [menunjuk kearah skrip]. Taknak tak boleh.

NAA: Tak ikhlas.

MJ: Tak ikhlas dah. Taknak saye, “*stop*(berhenti) terus takmau *shooting*(penggambaran)” [pergerakan tangan]. Pastu die kate kesian dekat saye. Ape “duit dah berape puluh ribu habih, eh itu bukan masalah saye”.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Saye cakap ngan die. Masalah PM punye orang, PM kene buang. Tutup langsung takleh *shooting*(penggambaran) [menggoyangkan kaki]. Main Mak Jah kalau gegar, gegar betul-betul. [mengangguk]

NH & NAA: Haa, betoi. [mengangguk serentak]

NH: Sapa suruh. [pergerakan tangan]

MJ: Sejak daripade tu tak berani. Jangan main main dengan saye ye, saya ahli seniman AJK kat sane.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Haa saye cakap ngan die, jangan main main. Sejak pade tu diorang dah [menghayunkan tangan]. Satu lagi diorang suke tanye, berape ah *budget*(bajet) Mak Jah. Kau tak tengok ke Mak Jah punye *range*(lingkungan) dekat *station*(stesen) tv. Bermakna [menggoyangkan jari telunjuk] orang yang macam tu orang tu tak peduli dengan *rate*(nilai) kite.

NH: Dia taktau pun. [pergerakan tangan]

MJ: Die tak tahu pun ape *rate*(nilai).

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Aku tunjuk contoh kat die. Ni ABC tau [menghayunkan jari telunjuk], aku ni bukan D.

NH: Haa.

MJ: Haa bukan B, bodoh. Tak [menggeleng] gitu, tak tengok ke *rate*(nilai) aku. Sape yang tahu macam Rashid Sibir, suke panggil mak nak ambik Mak Jah *shooting*(penggambaran)

nih. Satu [1] hari je tapi empat[4] *scene*(babak) lah, itu *rate*(nilai) aku empat[4] *scene*(babak) tu satu[1] hari due[2] ribu, jalan. [menghayunkan tangan ke tepi]

NH: Haa senang.

NAA: [mengangguk]

MJ: Fauziah Nawi macam tu jugak. [menyentuh mulut] Macam tu lah, tak payah. “Due [2] ribu tau, jangan dok mintak lebih pulak. Nak bagi jantan mane”, die kate.

NH: Hei.[ketawa]

NAA: Hoi. [ketawa]

MJ: [tersenyum] Rashid Sibir ni suke bergurau.

NH & NAA: Haa.[mengangguk serentak]

NAA: Haa orang dulu-dulu eh.

MJ: “Haa ni aku nak amik kau *shooting*(penggambaran) ni. Kang tak panggil kau *shooting*(penggambaran) kang, melacur pulak”. [berseloroh]

NH: [membetulkan pelitup muka]

NH & NAA: [ketawa serentak]

MJ: Bende-bende macam tu orang dah biase [pergerakan tangan], biaselah.

NH: Haa melawak kita [menggeleng kepala]

MJ: Tapi diorang dah tulis, siapa je *producer producer* (penerbit penerbit) semue dah tau dah, Haji Zeel die panggil saye berlakon, saye tak payah tanye, [menggerakkan pergelangan tangan] berape ribu Haji nak bagi ni. Ni 12 episod, 10 episod yang ni tak pernah saye tanye [melambai]. Berape episod ji, 10 ni ha, ni ni *okay okay* (baiklah baiklah). Tak pernah tanye harge [pergerakan tangan].

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Die dah ade *rate*(nilai), die dah tahu.[menggoyangkan jari telunjuk] Nak beri berape ribu.[sambil mengangguk]

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Banyak *producer*(penerbit) macam tu [mengangguk kepala] tak payah. Ini kan tanye berape Mak Jah, takkan aku nak cakap [riak wajah berkerut] aku nak tengok cerite die, aku

nak tengok die punye isi ape die, haa *character*(watak) die, aku bawa ke mane, aku disuruh panjat pokok ke.

NH: Iyalah

NAA: [ketawa]

MJ: Kan pokok ke kan..

NH & NAA: Tak tahu [ketawa serentak]

MJ: Tak tahu, kau suruh aku buat berdoza ke kan [memegang wayar mikrofon] tak tahu kan. Takdelah mak kate die, aaa cakap ade satu[1] kali [menggoyangkan jari telunjuk] orang panggil, ade due[2] *scene*(babak) Mak Jah, petang satu[1] hari, due[2] *scene*(babak) ke tige[3] *scene*(babak), tige[3] *scene*(babak).

NAA: [mengangguk]

MJ: Satu [1] hari *shooting*(penggambaran) kejap je Mak Jah, tige [3] ratus je die bagitahu pulak tu, nasib baik die bagitahu, tak payah cariklah orang lain.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Kau nak aa orang lain, cariklah die harge *extra*(tambahan).

NH & NAA: Haa [mengangguk serentak]

MJ: Ni harge *extra*(tambahan) kau bagi aku, kau janganlah bagi malu aku.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Aku ni dah tue, dah veteran.

NH: Haa...

MJ: Cakap macam tu kan, bukan aku hargai diri aku tak.[menunjuk kearah dirinya]

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Tapi jangan buat macam gitu, malu Mak nak. Betul, takde tak pernah lagi [sambil membetulkan wayar audio] tige [3] ratus ni. Jap, jap aku boleh mintak anak-anak aku. [menunjuk ke tepi] Kene jage kite punye ni [menunjuk kearah dirinya].

NH: Iyalah [mengangguk] Bagi Mak Jah en, apa [menggoyangkan tangan] istimewanya seni, dalam seni bidang lakonan?

MJ: Istimewa die.

NH: Haa.[sambil mengangguk] istimewa dia [menggoyangkan tangan]

MJ: Istimewa die [berfikir] macam kite tengok cerite tu, kite nak lakonkan.

NH: Haa...

MJ: Kalau rase puas hati tu, itulah yang punye nak nye. Kalau hm, taknaklah takpe dik carik pelakon lain ye.

NH: Haa...

MJ: Haa istimewa berlakon, bile saye dapat cerite tu saye puas hati ,[menggerakkan kedua-dua belah tangan] jadi saye akan lakonkan sepuas hati.[sambil tersenyum]

NH: Haa seikhlas hati [menggoyangkan tangan]

MJ: Haa seikhlas hati [mengangguk dan tersenyum]. Itulah die, die senang je. Kite bismillahirohmanirrahim [menggerakkan tangannya], kerje ni kerana Allah Taala. Kite carik rezki ni kerana Allah Taala, aku berlakon ni pun berilah kejujuran dan keikhlasan kerana Allah Taala. Tu lah permudahkanlah segala urusan aku, mudahkanlah segale kerje-kerje aku ni, Rabbiyasil waala tuasiltu, boleh permudahkan segale kerje, dah...senang...

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Allah Taala yang tahu.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: [memandang jam] ade lagi?

NH: Mak Jah, apa tanggapan Mak Jah dalam bidang lakonan? [menghayunkan tangan]

MJ: Tanggapan Mak Jah [wajah berkerut]

NH: Haa tanggapan Mak Jah. [menggeleng]

MJ: Takde [menggeleng] bagi saye, kau buat jujur ikhlas samelah kite bekerja dengan orang kerje *office*(pejabat) jugak.

NH: Haa...

MJ: Orang-orang lain bekerja tapi di bidang ini [menggaru hidung], anak-anak Mak Jah kalau nak masuk [memandang ke lantai] cucu-cicit Mak Jah, dah besar nak masuk. *No*(tidak) [menggerakkan jari telunjuk] belajar dulu, kau ikut dulu, kalau kau boleh tahan

[menggerakkan jari telunjuk] dengan alam manusia. Kau boleh terus dalam lakonan, dalam nyanyian ke, jadi model.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Kalau kau tak tahan [menggerakkan jari telunjuk] dalam aaa situasi manusia [wajah serius]. Ragam-ragam manusia, tak payah [menggerakkan tangan]. Kau cariklah kerje yang kerani ke yang balik petang.

NH: Haa, tak payah bidang ni [menggerakkan tangan].

NAA: [mengangguk dan ketawa]

MJ: Haa tak payah bidang ni, pasal ape. [membetulkan kain] Kerje ni macam minat, kalau setakat kau nak sikit-sikit, takde [menggeleng]. Kalau minat, macam mane susah pun [menggoyangkan jari telunjuk] kau akan teruskan ni...

NH: Nak jugak [menggoyangkan jari telunjuk]

MJ: Nak jugak.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Alami manusia ni macam-macam. Manusia akan ragam dengan kite [menghayunkan tangan], menggodelah itulah, inilah [pergerakan tangan]. Apelah itu ini. Kalau kau tahan tu, [menunjuk ke arah hadapan] teruskan, kalau tak tahan *no*(tidak) [menggerakkan tangan kekiri dan kekanan] berhenti.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Carik je kerje yang ape, yang ape mudah. Yang ala yang macam mane yang kau minat.

NAA: Haa betul [mengangguk]

MJ: Kalau kau minat lakonan, kau mesti ade [menunjuk ke arah hadapan] minat daripada segi ape sekalipun. Tahan.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

NH: Mesti nak jugak.

MJ: Nak jugak [mengangguk], ha macam tu.

NH: [mengangguk]

NAA: Mak Jah rasekan dunie [menggoyangkan tangan] lakonan sekarang dengan dulu ade beze tak?

MJ: Lakonan tu banyak beze die, ikut pengarahlah. Baru pengarah die, baru lah kite kene belajar.

NH: Haa iyalah [mengangguk kepala]

MJ: Itulah sebabnye saye kate, sampai krew pun dapat pengarah baru [sambil membetulkan kain], mude kite kene belajar care diorang pulak.

NAA: Haah

MJ: Haa... [menggaru hidung] kang diorang punye ape. Diorang punye care kang lain pulak kan, kite kenelah belajar.

NH: [mengangguk]

MJ: Tu bermakne kite jangan ikut care kite dulu-dulu, macam arwah Pak Amin buat tu [memegang wayar audio]. Boleh jugak ikut, tapi tengok dulu cerite [menunjuk kehadapan] haa. [tersenyum]

NH: Beto. [mengangguk]

NAA: [mengangguk]

MJ: Kalau pengarah mude zaman sekarang ni kan, banyak diorang belajar.

NAA: Haah [mengangguk]

NH: [mengangguk]

MJ: Kan, diorang belajar kan tinggi tinggi.

NH: Yalah.

NAA: Beto. [mengangguk]

MJ: Jadi kite kene belajarlah sikit-sikit, tak banyak sikit kite belajar [pergerakan tangan] care die.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Haa itu sampai tue pun, Mak Jah kene [menjenguk kehadapan] belajar, bengkel lakonan pun ikut bengkel belajar.

NAA: Sampai sekarang? [mengangguk]

MJ: Sampai sekarang, belajar ni ke mana kau bawak pun takde masalah.

NH & NAA: Beto![mengangguk]

MJ: [mengangkat telefon] Halo, halo, halo dik.[menekan skrin telefon], ape die, ooo die dah pergi cocok dah ni.

NAA: Mak Jah nak keluar ke? [sambil melihat skrip]

MJ: Tak [sambil melihat skrin telefon], anak saye [menunjuk ke kanan].

NAA: Haa...

MJ: Anak cocok ke tige [3], saye tak cocok. Saye ketige [3] yang, kedue [2] je, [menggaru hidung] ketige [3] tak cocok lagi.

NH: Ooo Mak Jah belum lagi...

MJ: Ade bagi *date*(tarikh) dah [menunjuk kearah telefon] tapi saye tak boleh ikut *datenye*(tarikhnya), nanti dapat *date*(tarikh) lain esok...

NH & NAA: Haa...[mengangguk serentak]

MJ: Aku nak goreng mi untuk korang ni, nanti kejap.

NH: Eh.

NH & NAA: [ketawa serentak]

MJ: Nanti tunggu eh, [sambil menelefon] dah siap barang-barang dah. [menunjuk kearah meja]

NH & NAA: Haa [mengangguk serentak]

MJ: Tinggal nak tumbuk bawang putih [menggoyangkan jari ke bawah] je.

NH & NAA: [ketawa serentak]

MJ: Ade ape banyak nak tanye lagi.

NH: Takpa, nak penutup ja nanti [sambil memandang skrip]

MJ: Hm.

NH: Lepaih ni kita penutup, ha lepastu habih ah [sambil memegang skrip]

MJ: Haa kau tunggu. [sambil tersenyum]

NH: Haah [mengangguk]

NAA: Takpe [tertawa]

NH: Boleh ja Mak Jah. [membongkok menutup audio di telefon]

MJ: Kau tahun berape dah?

NAA: Dah *part five* (bahagian lima [5]) dah.

MJ: Hello, [bercakap di telefon] ha ade ape, hah? Haa pergilah, hello pergilah halo, [mendengus sambil menutup telefon] yang bercakap tu adalah dos ketige [3]. [sambil meletak telefon di tepi].

NH: Hei, kenapa tak pakai seluaq [menunjuk kearah cicit Mak Jah]

MJ: Jangan masuk sini [sambil memandang cicitnya dan kearah kamera], diorang tengah ni audio. Tutup, tutup kak, dok diam diam jangan bising..[menggoyangkan jari telunjuk].

NH & NAA: [ketawa serentak]

NH: *Okay*(baik), terima kasih Mak Jah, *okay*(baik) [memandang skrip] dengan ini tamatlah [sambil memandang kamera] sesi temubual.[tertawa] Takpa Mak Jah.

MJ: Oh, *sorry sorry* (maaf maaf) [mengangkat telefon berbunyi] hello, hello [meletakkan telefon] alahai orang nak buat ni [muka berkerut], haa boleh dah.

NH: *Okay*(baik), dengan ini tamatlah sesi temubual [sambil melihat skrip] sejarah lisan [memandang kamera] mengenai bidang lakonan bersama Mak Jah. Kami mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian Mak Jah [sambil memandang Mak Jah] dan kerjasama yang diberikan oleh beliau, dalam menjalankan wawancara ini [memandang skrip]. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan bakat dan dunia seni lakonan pada masa akan datang [pergerakan tangan].

MJ: Insyallah. [mengangguk dan tersenyum]

NH: Haa sekian terima kasih. [tersenyum]

MJ: Same-same [tersenyum]. Sesiapa yang berminat dengan dalam seni lakonan buatlah yang bersungguh-sungguh, haa penampilan kene jage [sambil tersenyum].

NH & NAA: Haa... [mengangguk serentak]

MJ: Haa penampilan maksud Mak Jah, bukannya segi badan je, ye badan pakaian kite punye [menggoyangkan tangan] segale-galelah.

NH & NAA: Haa..[mengangguk serentak]

MJ: Haa penampilan tu maksudnye, setiap penampilan penting [menunjuk ke hadapan]

NH & NAA: Hmm. [mengangguk serentak]

MJ: Macam Mak Jah ni dah tue, tapi Mak Jah tetap ade, [menunjuk kearah dirinya] tetap berbedak lagi orang kate haa.

NH & NAA: Haa.[mengangguk serentak]

MJ: Pakaian tu tetap yang ade tu, walaupun kite dah berumur.

NH: Ya...[mengangguk]

MJ: Kite tahu care pakai kite macam mane.

NH & NAA: [mengangguk serentak]

MJ: Itulah, terime kasih banyak. Siape yang ingin berlakon, buatlah betul-betul, dan tambahkan lah dalam *scene*(babak) lakonan ni yang penting, kite mesti tambah kan pelakon-pelakon yang [menggoyangkan tangan] mude.

NH & NAA: Hmm..[mengangguk serentak]

MJ: *Okay*(baik), terime kasih banyak-banyak pade korang berdue yang datang, sudi datang rumah Mak Jah ambik gambar Mak Jah dekat sini dan mengetahui segale-gale, taknak ambik dalam album Mak Jah ke? [menunjuk ke arah hadapan]

NAA: Nak [mengangguk]

NH: Ha boleh boleh [mengangguk]

MJ: Ha sementare aku goreng mi [menunjuk kearah kanan] kau tengok ye...

NAA: Boleh [tersenyum]

MJ: ABANG! [memarahi cicitnya] *sorry*(maaf) [menekup mulutnya].

NH & NAA: [tertawa kecil serentak]

MJ: ADAM! Orang tengah *record*(rakam) ni lah, kang kau *edit*(sunting) tu kau potonglah.

NH & NAA: Haa.

MJ: Terime kasih pade Sandha yang mengurus dan Persatuan Yayasan Artis Veteran iaitu *president* (pengerusi) saye Isma Johar, terime kasih banyak-banyak [sambil tersenyum]

NH & NAA: [mengangguk dan tersenyum]

MJ: Boleh eh.

NH: Haa *okay*(baiklah)

MJ: Yang ni nak bukak ke ni [memegang mikrofon] aku nak pergi goreng mi. kau tengok gambar.

LOG TEMUBUAL

6.0 LOG TEMUBUAL

MASA	TOPIK	HURAIAN
1:14-1:43	Latar belakang diri	<ul style="list-style-type: none"> ● Berasal dari Kampung Sungai Jai Beranang ● Tinggal dengan datuk ● Arwah Mak beliau telah meninggal sewaktu beliau kecil ● Mempunyai 4 beradik, semua perempuan ● Merupakan anak sulung
2:23-3:10 4:07-4:17	Latar belakang keluarga	<ul style="list-style-type: none"> ● Beliau dimasukkan ke Rumah Kebajikan Masyarakat ● Pada umur 11 tahun, beliau dipelihara oleh keluarga angkat ● Mak Jah dipelihara oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat iaitu arwah Puan Laili Ibrahim ● Setelah Puan Laili Ibrahim berkahwin, Mak Jah tinggal bersama Mak Puan Laili.
2:04-2:06 3:14-3:20 6:11-6:38	Sejarah dan tahap pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> ● Bersekolah di Kampung Sungai Jai ● Bersekolah menengah di Kajang ● Menyambung pelajaran hingga tingkatan 3 di Convent Seremban ● 2 tahun belajar di Jepun sebagai jurusolek

6:32- 6:36 8:28-8:54	Kerjaya sebelum melibatkan diri dalam bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> ● Menjadi jurusolek pada tahun 70-an di bawah RTM. ● Freelance di RTM pada tahun 81 ● Bekerjasama dengan Arwah Rusli Jalil, pengarah RTM sebagai makeup artis
9:56-10:26	Pengalaman menjadi jurusolek ketika penggambaran dijalankan	<ul style="list-style-type: none"> ● Pernah menjadi penjaga wardrobe ● Pernah menjadi konti di set penggambaran ● Prop turut dilakukan oleh Mak Jah
14:57-15:51	Faktor menceburi bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> ● Disokong oleh rakan Iaitu Mak Landen untuk meneruskan kerjaya dalam lakonan ● Dipandang tinggi oleh arwah pengarah Arip Shah dan pengarah yang lain
11:49-12:30	Permulaan kerjaya sebagai pelakon	<ul style="list-style-type: none"> ● Tahun 90-an, Mak Jah berjinak dalam bidang lakonan. ● Pada umur 30-an beliau mula berlakon
16:18-16:56	Sejarah kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> ● 2016, disahkan menghidap penyakit kanser ● Pernah menghidap kanser tahap 4 ● Kini semakin pulih
30:16-30:30	Kerjaya lain	<ul style="list-style-type: none"> ● Turut menjadi penyanyi ● Mempunyai satu album lagu kerjasama bersama S.Atan pada tahun 2016

37:27-37:54	Penerimaan bayaran	<ul style="list-style-type: none"> ● Bayaran dilakukan mengikut adegan dan episod ● Mak Jah dibayar mengikut adegan
38:40-39:30	Gelaran	<ul style="list-style-type: none"> ● Digelar Mak Jah kerana keliru antara Wan Maimunah ● Turut digelar Mak Jah makeup artis
57:33-1:00:25	Pengalaman menakutkan ketika ketika menjadi jurusolek	<ul style="list-style-type: none"> ● Filem komando 69 ● Terpaksa memanjat gunung di Gopeng, Perak untuk solek watak pelakon ditembak ● Terpaksa mengikut jalan hutan kerana embun telah membasahkan tanah ● Dibawa turun oleh komando dari gunung setinggi 3 tingkat
01:04:30– 01:06:43	Pengalaman ketika menjadi jurusolek	<ul style="list-style-type: none"> ● Undang-undang dikawal oleh jurusolek bukan pihak produksi. ● Jurusolek masa dahulu ada kuasa untuk memberhentikan lakonan jika ada sesuatu berkaitan dengan solekan.
01:06:45– 01:07:30	Lokasi penggambaran dilakukan	<ul style="list-style-type: none"> ● Penggambaran dilakukan di merata tempat. Sebagai contoh, di kampung, di sawah. ● Di Sabah, Sarawak, di Kuala Pilah,

		Negeri Sembilan dan lain-lain.
01:07:34– 01:10:43	Pengalaman ketika penggambaran dilakukan di lokasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Memakai tembakau jawa di dalam seluar bagi mengelakkan lintah atau pacat. ● Artis veteran menggunakan kipas kerana panas dibahagian badan beliau setelah menggunakan tembakau jawa. ● Mak Jah menjerit sekuat hati kerana menyangka belut adalah ular. ● Penerbit dan budak-budak krew masuk ke sawah kerana jeritan Mak Jah.
01:10:48 - 01:12:10	Individu yang mendorong artis veteran ke bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> ● Artis veteran didorong dan dinasihati oleh arwah Normadiah dan arwah Pak Min untuk masuk ke dalam bidang seni lakonan ini. ● Arwah Aziz Satar juga terlibat dalam mendorong Mak Jah untuk terus maju dalam lakonan. ● Jasa-jasa arwah Aziz Satar tidak pernah pudar di ingatannya. ● Ann Jaafar juga merupakan salah satu yang mendorong Mak Jah dalam bidang ini dan dianggap seperti adik-beradik.
01:12:17- 01:13:48	Kerenah pengarah yang pernah bekerjasama dengan artis veteran	<ul style="list-style-type: none"> ● Ann Jaafar tidak pernah memarahi Mak Jah walaupun ketika berasa marah. ● Menyimpan sedikit makanan kegemaran

		<p>Mak Jah walaupun dalam jumlah yang sedikit.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Tidak pernah berkurang ajar dengan Mak Jah.
01:13:50– 01:15:23	Berlakon dengan pengarah dari generasi ke generasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Berlakon dibawah arahan arwah Mat Nani hingga ke cucunya. ● Mak Jah juga pernah berlakon dengan arahan Yusof Haslam dan anak-anaknya. ● Filem arahan Aziz Satar dan anaknya juga pernah dilakonkan oleh Mak Jah.
01:15:30– 01:19:40	Pengalaman seram ketika berlakon	<ul style="list-style-type: none"> ● Mak Jah menjerit dan diajuk oleh makhluk halus. ● Pernah nampak makhluk halus dan dihembus ke telinga Mak Jah. ● Jurukamera nampak makhluk halus di kamera secara kabur. ● Menyerupai pengarah di dalam sebuah lif di bangunan yang bakal dirobohkan di tempat penggambaran.
01:19:51– 01:23:28	Pengalaman pahit ketika menjadi jurusolek	<ul style="list-style-type: none"> ● Hampir lemas kerana kepala air naik di Sungai Ipoh, Perak. ● Dikejar buaya yang baru beranak di kuala lapan di Sungai Baru, Melaka.

01:23:37– 01:25:10	Cara mengetahui suatu filem yang meletup dan menarik perhatian orang ramai	<ul style="list-style-type: none"> ● Mak Jah mengikut citarasanya sendiri. ● Jika beliau berasa susah Ketika mahu lakonkan filem atau drama tersebut, maka cerita itu akan menjadi yang terbaik. ● Membaca sinopsis dan watak yang bakal dilakukan sebelum menandatangani kontrak.
01:25:43– 01:27:19	Filem yang memberi kesan terhadap artis veteran	<ul style="list-style-type: none"> ● Filem arahan P.Ramlee ● Filem Hujung Nyawa, berlakon dengan Erra Fazira. ● Filem arahan Yusof Haslam, Bohsia Jalan Kembali. Melakonkan watak samseng.
01:27:32– 01:29:37	Kenangan manis bersama barisan pelakon.	<ul style="list-style-type: none"> ● Bekerjasama dengan barisan pelakon dan krew-krew. ● Menggigit berus jamban lama kerana salah faham, berus jamban baru.
01:29:53– 01:31:38	Sumbangan artis veteran kepada industri dan masyarakat.	<ul style="list-style-type: none"> ● Sumbangan menurut Mak Jah, apa yang dilakukan dan diberikan merupakan sumbangan. ● Menyumbangkan tenaga seperti suara (nyanyian), menjadi juri.

01:44:14 – 01:44:55	Harapan artis veteran dalam dunia seni lakonan.	<ul style="list-style-type: none"> ● Beliau tidak mengharapkan apa-apa melainkan sedekahkan al-fatimah jika beliau sudah tiada di dunia ini.
01:44:57 – 01:51:09	Harapan dan pendapat artis veteran untuk perkembangan bidang seni lakonan buat masa terkini.	<ul style="list-style-type: none"> ● Menurut Mak Jah, jika pelakon-pelakon masa kini berminat untuk terus menceburi bidang ini. Mereka perlulah masuk Aswara, kelas teater, kelas lakonan dan bengkel-bengkel yang berkaitan untuk menambahkan ilmu dan penyampaian lakonan. ● Mak Jah berkata jika umur veteran, tetapi berlakon tidak sampai 10 tahun. Mereka tidak layak digelar artis veteran. ● Mak Jah dan Fauziah Nawi telah menceburi bidang lakonan selama 40 tahun.
01:51:22 – 01:52:22	Perbezaan artis dulu dan sekarang.	<ul style="list-style-type: none"> ● Artis dahulu saling hormat-menghormati, jujur dan ikhlas. ● Tidak pernah mengambil kerja orang lain. Seperti mengambil bayaran yang lebih murah berbanding pelakon asal.
01:52:30 – 02:00:35	Pengalaman artis veteran ketika kerjanya diambil oleh orang lain.	<ul style="list-style-type: none"> ● Mak Jah ditawarkan berlakon di Negeri Sembilan tetapi meminta untuk lewat sehari kerana ada temujanji dengan doktor. ● Pihak produksi mengambil pelakon lain,

		<p>tetapi tidak memberitahu Mak Jah.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Mak Jah membuat aduan kepada pengerusi seniman iaitu Zed Zaidi. ● Pihak produksi tersebut diarahkan berhenti kerana tiada ahli Prima.
02:00:45 – 02:01:42	Keistimewaan seni bidang lakonan.	<ul style="list-style-type: none"> ● Menurut Mak Jah, jika beliau melihat cerita itu, beliau mahu lakonkannya. ● Bila beliau melakonkan suatu cerita dan berasa puas hati. ● Berlakon seikhlas hati dan berasa senang hati.
02:01:54 – 02:03:15	Tanggapan artis veteran dalam bidang lakonan.	<ul style="list-style-type: none"> ● Berlakon adalah sama seperti yang bekerja di pejabat. ● Tidak membenarkan anak-anak dan cicit-cicitnya untuk menceburi bidang lakonan. Kecuali mereka benar-benar minat dan mampu bertahan dengan karenah manusia.
02:03:20 – 02:04:14	Perbezaan lakonan dahulu dan sekarang.	<ul style="list-style-type: none"> ● Lakonan yang berbeza mengikut pengarah. ● Jika mendapat pengarah baru dan muda, Mak Jah perlu mempelajari gaya dan cara pengarah tersebut. ● Mak Jah masih ke kelas lakonan dan bengkel-bengkel yang ditawarkan.

<p>02:04:22 – 02:07:55</p>	<p>Penutup</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Mengangkat panggilan telepon oleh anaknya. ● Menyuruh penemubual untuk menunggu beliau memasak mi goreng untuk mereka. ● Ucapan penutup oleh NH. ● Mak Jah berterima kasih kepada NH dan NAA. Tidak lupa juga kepada Sandha, Isma Johar dan Yayasan Persatuan Artis Veteran. ● Mak Jah juga berpesan kepada artis yang baru berjinak-jinak dalam bidang ini untuk terus membuat yang terbaik.
--------------------------------	----------------	---

RALAT

7.0 RALAT

Sepanjang temubual yang dijalankan bersama artis veteran, iaitu Mak Jah. Terdapat beberapa gangguan ketika rakaman temubual ini berlangsung. Berikut merupakan senarai ralat ketika rakaman temubual:

- Suara orang ketiga, iaitu cicit artis veteran.
- Gangguan suara dan bunyi di persekitaran.
- Gangguan panggilan telefon daripada telefon bimbit Mak Jah.
- Gangguan bunyi notifikasi

Temubual bersama Mak Jah tetap berjalan dengan lancar, walaupun mempunyai sedikit gangguan yang tidak dapat elakkan ketika rakaman temubual ini dijalankan. Kami dengan merasa rendah hati ingin mengucapkan sekali lagi ribuan terima kasih atas kesudian Mak Jah untuk ditemubual oleh kami.

GLOSARI

8.0 GLOSARI

ISTILAH	MAKSUD
Adegan	Bahagian daripada babak (sandiwara, wayang).
Dialog	Kata-kata yang dituturkan oleh watak-watak dlm drama atau fiksyen.
Duet	Lagu untuk dinyanyikan oleh dua orang atau untuk dimainkan oleh dua orang.
Filem	Gambar bergerak yang ditayangkan pada layar, biasanya di pawagam.
Freelance	Bekerja bebas.
Handy	Orang yang pandai menggunakan tangannya, sesuatu yang berguna.
IQ	Darjah kecerdasan otak.
Jurusolek	Orang yang kerjanya me-nyolek orang.
Komando	Unit (atau anggota) khas dlm angkatan tentera yang dilatih khusus utk melakukan serangan mengejut terhadap musuh: pendaratan dan pengguguran.
Konti	Studio penyiaran radio dan televisyen.
Kontrak	Perjanjian formal dengan syarat-syarat tertentu antara dua pihak atau lebih untuk menandatangani.
Krew	Sekumpulan petugas, terutamanya yang mempunyai kemahiran teknikal tertentu, yang bekerja bersama-sama mengendalikan sesuatu tugas, projek.

Menilai	Menentukan nilai, mentaksirkan.
Meruap	Perasaan geram, darah naik.
Merupa	Menjadi ada, berwujud, memperlihatkan diri (hantu, jin, roh dan lain-lain).
Miang	Gatal dan suka mengurat.
Monitor	Alat yang digunakan di studio untuk menguji, memeriksa atau menilik siaran, skrin komputer.
Mood	Perasaan hati.
Penerbit	(Orang, syarikat, dll) yang menerbitkan buku dll.
Pengarah	Orang yang kerjanya mengarah (filem, drama)
Penggambaran	Perihal menggambarkan (membuat foto, melukiskan, membayangkan dll) kegiatan (perbuatan, usaha) membuat filem termasuk berlakon, mengarah.
Produksi	Produksi merupakan kegiatan menghasilkan barang maupun jasa atau kegiatan menambah nilai kegunaan atau manfaat suatu barang.
Prop	Peralatan pentas, benda penyokong.
Protokol	Peraturan -peraturan dalam istiadat rasmi.
Rakaman	Sesuatu yang dirakamkan (cetakan, stensilan, sulaman, dll).
Seloroh	Kata-kata atau perbuatan yang tidak sungguh-sungguh tetapi meng--gelikan hati; senda gurau yang lu-cu.
Seniman	Orang yang mempunyai bakat seni dan dapat mencipta hasil seni serta dapat memperagakan hasil seninya itu.

Set	Sekumpulan barang yang merupakan suatu kesatuan, beberapa benda yang digunakan bersama-sama sehingga yang satu merupakan pelengkap yang lainnya.
Sinopsis	Ringkasan yang memberikan gambaran umum tentang sesuatu perkara (novel, drama, filem, dan sebagainya), ikhtisar.
Skrip	Cerita dll yang bertulis (bertaip dsb); filem skrip yang disediakan untuk sesebuah filem, termasuk arahan kerja kamera dsb, lakon layar; penskripan hal (proses) penulisan skrip.
Slot	Ruang waktu yang diperuntukkan oleh media massa untuk membolehkan sesuatu maklumat (berita, dll) disiarkan.
Tenang	Berkenalan.
Veteran	Orang yang telah banyak pengalamannya dalam sesuatu perkara.
Wardrobe	Almari pakaian, koleksi pakaian, koleksi kostum.
Wartawan	Orang yang menulis berita atau rencana utk surat khabar atau majalah.
Watak	Tokoh dlm sesuatu cerita atau novel. berwatak berbudi pekerti; mempunyai sifat keperibadian.

INDEKS

9.0 INDEKS

A

Adegan . 41,76

Aura . 76

B

Bagitau . 20,28, 50, 94,

Bubuh . 65,67,81

Bini . 14,61

C

Camna . 57

Camtu . 41,50,57,63,84

Care . 76,87,101,102,105

Cine . 86

Cite . 14,25,52,58,77

Cocok . 102,103

D

Dak . 57,69,70,71,75,80,85

Depa . 27,56,64,86,88

Die . 68,69,70,71,72,73,74,75,76,77,78,80,81,82,83,84,85,86,87,89,90,91,92,93,94,95,96,97,
98,99,10,101,102

Due . 69,70,71,77,81,82,86,94,95,97,98

Duet . 53

F

Freelance . 14,15,16

H

Handy . 54

Henfon . 57

K

Kabut . 43

Kaso . 29

Kawai . 91

Keluo . 62

Kira muda . 51

Ko . 28

Kolumpo . 71

Konti . 16,17,19

M

Mencerut . 85

Mulelah . 70

Meruap . 94

O

Otai . 35

P

Pijor . 67

Prop . 17,19,66,77

Protocol . 55,91

S

Seloroh . 50,55,56,68, 98

Seniman . 79,89,94,95,96,97,

Set . 92

Slamber . 27

Slot . 41,131

Sinopsis . 75

T

Tadak . 33

Tegoq . 70,71

Tenang . 39,45

Terebeh . 87

Terok . 76

BIBLIOGRAFI

10.0 BIBLIOGRAFI

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Menilai*.

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=menilai>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Seniman*.

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=seniman>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Meruap*.

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=meruap>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Veteran*.

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=veteran>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Protokol*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=protokol>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Merupa*.

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=merupa>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=wartawan>

Carian umum. (2021). Mykamus.com. <http://mykamus.com/free/2010/09/prop/>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=set>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=filem>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pengarah>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=penggambaran>

Carian umum. (2021). Mykamus.com. <http://mykamus.com/free/2010/09/wardrobe/>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=komando>

Produksi (30 Desember 2021). Kompas.

<https://www.kompas.com/skola/read/2020/07/07/203500169/produksi--pengertian-tujuan-dan-faktornya>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=jurusolek>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=slot>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=adegan>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kontrak>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kru&d=175768&>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=penerbit>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=seloroh>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=miang>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <http://mykamus.com/free/2010/09/mood/>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=watak>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=skrip>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=duet>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=dialog>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=iq&d=6920&\>

Carian umum. (2021). Mykamus.com. <http://mykamus.com/free/2010/09/handy/>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=rakaman>

Carian umum. (2021). Mykamus.com. <http://mykamus.com/free/2010/09/monitor-2/>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=freelance>

Carian umum. (2021). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=konti>

Carian umum. (2021). Kamusbm.com. <https://kamusbm.com/sinopsis/>

LAMPIRAN

11.0 LAMPIRAN

11.1 Biografi Tokoh

BUTIRAN	PENERANGAN
Nama	Hajah Maimunah binti Haji Ahmad
Nama samaran	Mak Jah
No kad pengenalan	490422-22-5078
Umur	72 Tahun
Agama	Islam
Bangsa	Melayu
Warganegara	Malaysia
Tarikh lahir	22 April 1949
Alamat	PPR Laksamana, Blok C, Tingkat 10, Pintu 7, Jalan Peel 55100, Kuala Lumpur
No. Telefon	013-2046847
Kerjaya	Pelakon
Bidang	Lakonan filem dan drama
Pendidikan	Sekolah menengah
Tempuh menceburi bidang	40 Tahun
Bilangan anak	3

11.2 SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya MAIMUNAH BINTI AHMAD K/P: 490422-10-5078 pada 2/12/2021 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh MAIMUNAH BINTI AHMAD)
Tarikh: 2/12/2021

(Siti Noorslah Binti Jamaludin)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

11.3 SENARAI SOALAN

SOALAN ORIENTASI

a) Boleh puan ceritakan sedikit tentang latar belakang diri puan?

- Siapakah nama sebenar puan?
- Bila puan dilahirkan?
- Dimanakah puan dilahirkan?
- Dimanakah puan dibesarkan?
- Puan anak yang ke berapa dalam keluarga?

b) Jika puan tak keberatan, bolehkah puan menceritakan sedikit tentang hal keluarga puan?

- Apakah nama ibu bapa puan?
- Apakah pekerjaan ibu bapa puan?
- Berapakah bilangan adik beradik puan?
- Dalam keluarga puan, dengan siapakah puan paling rapat?
- Mengapa puan rapat dengan beliau?

c) Jika boleh saya tahu, boleh puan ceritakan tentang latar belakang pendidikan puan pada ketika dahulu?

- Dimanakah puan bersekolah rendah?
- Dimanakah puan bersekolah menengah?
- Adakah puan melanjutkan pelajaran selepas itu?
 - Siapakah yang mendorong puan untuk melanjutkan pelajaran?
 - Bidang apa yang menjadi pilihan puan?
 - Mengapa puan memilih bidang tersebut?

d) Bolehkah puan menceritakan tentang kerjaya puan sebelum melibatkan diri dalam bidang seni lakonan?

- Apakah kerjaya puan?
- Berapa lamakah puan bekerja dalam bidang tersebut?

SOALAN BIASA

- a) Boleh kami dapatkan pendapat puan tentang dunia seni lakonan?
- Bagaimanakah tanggapan puan dalam bidang lakonan?
 - Pada pendapat puan, seni lakonan ini terbahagi kepada berapa cabang?
 - Apakah keistimewaan dunia lakonan ini bagi pendapat puan?
 - Apakah pandangan puan tentang industri lakonan pada masa kini?
- b) Boleh puan ceritakan sedikit tentang perjalanan kerjaya puan dalam seni lakonan?
- Adakah drama dan filem masa kini masih memberi pengajaran dan pengalaman hidup seperti dulu?
 - Adakah filem pertama puan menjadi batu loncatan untuk puan menempa nama dalam industri lakonan?
- c) Pada pendapat puan, apakah yang membezakan artis dahulu dan sekarang?
- Mengapakah puan berkata begitu?
 - Adakah ia memberi kesan kepada puan untuk bekerjasama dengan mereka?
- d)Apakah perbezaan set penggambaran dulu dengan sekarang?
- Mengapakah puan berkata begitu?
 - Adakah teknologi dan peralatan yang digunakan di set penggambaran masih sama seperti dulu?

SOALAN KHUSUS

- a) Boleh kami tahu mengapa puan memilih bidang lakonan sebagai pilihan kerjaya puan?
- Bilakah puan mula menceburi dalam lakonan?

- Bagaimana puan boleh terlibat dalam lakonan?
- Siapakah yang bertanggungjawab membawa diri puan dalam bidang lakonan?
- Apakah yang mendorong puan untuk terus bergiat dalam bidang seni lakonan?
- Siapakah idola puan dalam lakonan?
 - Adakah idola puan memberikan kesan kepada puan untuk terus melibatkan diri dalam bidang lakonan?

b) Sebelum mendapat watak yang pertama, adakah puan terlibat dengan sesi uji bakat?

- Siapakah yang menjadi juri untuk ujibakat tersebut?
- Bilakah ujibakat tersebut dijalankan?
- Dimanakah lokasi ujibakat tersebut diadakan?
- Bagaimanakah suasana pada ketika itu?
- Apakah perasaan puan pada masa itu?

c) Bolehkah puan menceritakan tentang filem yang pernah puan lakonkan?

- Berapakah jumlah filem yang telah dilakonkan oleh puan?
- Apakah tajuk filem pertama yang dilakonkan oleh puan?
- Filem ini mengisahkan tentang apa?
- Siapakah barisan-barisan artis yang terlibat dalam filem tersebut?
- Apakah watak yang disandang oleh puan ketika berlakon dalam filem tersebut?
- Siapakah pengarah filem pertama yang dilakonkan oleh puan?
- Dimanakah lokasi penggambaran ini dijalankan?
- Bagaimanakah penerimaan masyarakat semasa filem itu diterbitkan?
- Bagaimanakah untuk mengetahui bahawa filem tersebut popular dan pecah panggung pada zaman puan mula menceburi bidang lakonan?

d) Bolehkah puan menceritakan serba sedikit tentang drama-drama lakonan yang puan lakonkan?

- Berapakah jumlah drama yang telah dilakonkan oleh puan?

- Apakah drama yang dilakonkan oleh puan yang mendapat sambutan hangat dari masyarakat?
- Siapakah antara barisan rakan artis yang akrab dengan puan?
- Apakah drama yang memberi kesan terhadap puan hingga kini?
- Adakah bayaran lakonan diterima mengikut episod ataupun slot lakonan?

e) Sudikah puan berkongsi pengalaman ketika puan menceburi bidang lakonan?

- Pengalaman apakah yang puan dapat ketika menceburi bidang lakonan?
 - Adakah pengalaman ini dapat membantu puan dalam seni lakonan?
 - Mengapa puan berkata begitu?
- Pernahkah puan mengalami pengalaman seram ketika penggambaran dijalankan?
 - Jika ada, apakah pengalaman tersebut?
 - Adakah kejadian ini meninggalkan kesan kepada puan?

f) Jika boleh kami tahu, apakah kenangan pahit yang puan pernah lalui ketika menceburi bidang ini?

- Adakah ia memberi kesan yang mendalam kepada puan dan keluarga?
- Bagaimana puan berjaya mengharungi cabaran ini?

g) Apa kenangan manis ketika puan berlakon yang masih segar dalam ingatan puan sehingga sekarang?

- Apakah kenangan manis puan bersama barisan pelakon dan krew-krew yang puan pernah bekerja?
- Adakah kenangan manis itu masih diingati dan berharga bagi puan?

h) Jika boleh kami tahu, apakah sumbangan puan dalam industri ini?

- Apakah sumbangan puan di dalam industri seni?
- Apakah sumbangan puan kepada rakan artis?
- Apakah sumbangan puan terhadap masyarakat?
 - Apakah yang mendorong puan untuk melakukan sumbangan ini?

- Bagaimana puan mengagihkan sumbangan tersebut?
- Siapakah yang banyak membantu puan untuk memberi sumbangan kepada masyarakat?

i) Apakah perkembangan terkini puan? Boleh puan ceritakan sedikit?

- Bagaimana keadaan kesihatan puan?
- Apakah yang memberi semangat kepada puan untuk kembali sembuh?

j) Selain berlakon, adakah puan mempunyai punca atau sumber rezeki lain?

- Bagaimana puan boleh mendapat idea tersebut?
- Kenapa puan memilih untuk menceburi bidang perniagaan?
- Siapakah rakan kongsi puan?
- Sejauh mana perniagaan ini membantu dalam kehidupan?
- Adakah pandemik ini memberikan kesan terhadap perniagaan puan?

k) Apakah perancangan puan dalam dunia lakonan untuk masa hadapan?

- Adakah puan telah dapat membawa watak-watak yang diimpikan?
- Jika tidak, mengapakah puan teringin melakonkan watak tersebut?
- Apakah harapan puan terhadap seni lakonan hari ini?

11.4 DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	MASA/LOKASI	TINDAKAN
10 Oktober 2021 Ahad	2:00 - 2:50 petang Google Meet	<ul style="list-style-type: none">● Puan Noorsiah binti Jamaludin memberikan keterangan mengenai subjek IMR 604 dan tugas kami.● Pelajar menyenaraikan artis veteran untuk diluluskan oleh pensyarah dan kami memilih Maimunah Ahmad untuk ditemubual.● Puan Siti Noorsiah meluluskan beberapa artis veteran yang disenaraikan oleh pelajar.
13 Oktober 2021 Rabu	8:00 - 10:00 pagi Google Meet dan Telegram	<ul style="list-style-type: none">● Pensyarah memberikan templat proposal kepada pelajar sebagai rujukan.● Puan Siti Noorsiah memberitahu bahawa artis veteran telah bersetuju untuk ditemubual pada 13 November 2021, bertempat di Nasi Lemak Tanjung Puteri, Kuala Lumpur.
17 Oktober 2021 Ahad	2:00 - 2:50 petang Telegram	<ul style="list-style-type: none">● Pensyarah berkongsi artikel berkaitan sejarah lisan kepada kami.
20 Oktober 2021 Rabu	8:00 - 10:00 pagi Google Meet	<ul style="list-style-type: none">● Pensyarah mengajar dan memberi sedikit maklumat tentang proposal dan soalan temubual.
27 Oktober 2021 Rabu	08:00 - 10:00 pagi DK 2 dan Telegram	<ul style="list-style-type: none">● Pensyarah mengajar dan memberikan skrip untuk pembukaan dan penutup untuk sesi temubual.

31 Oktober 2021 Ahad	2:00 - 2:50 petang Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> ● Berbincang dan bertanya pendapat kepada pensyarah tentang temubual yang akan dijalankan.
3 November 2021 Rabu	8:00 - 10:00 pagi Telegram	<ul style="list-style-type: none"> ● Pensyarah menunda tarikh penghantaran proposal dan soalan ke tarikh 14 November 2021. ● Penangguhan temubual bersama artis veteran ke tarikh baru.
14 November 2021 Ahad	08:00 - 05:59 petang U-future	<ul style="list-style-type: none"> ● Penghantaran tugas proposal dan soalan.
24 November 2021 Ahad	09:19 - 10:10 pagi Telegram	<ul style="list-style-type: none"> ● Proposal disemak oleh Puan Siti Noorsiah.
26 November 2021 Jumaat	4:48 - 05:01 petang Telegram 5:14 - 7:10 petang WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> ● Puan Siti Noorsiah memberi nombor telefon artis veteran atau Mak Jah kepada kami. ● Menyapa dan bertanya kepada artis veteran jika beliau bersetuju untuk ditemubual oleh kami.
27 November 2021 Sabtu	7:25 - 9:50 malam WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> ● Artis veteran bersetuju untuk ditemubual. ● Kami bertanya alamat rumah artis veteran.
28 November 2021 Ahad	11:14 - 12:33 WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> ● Mak Jah memberikan alamat dan waktu untuk ditemubual kepada kami.
2 Disember 2021 Khamis	11:52 pagi Telegram 2:27- 4:46 petang	<ul style="list-style-type: none"> ● Puan Siti Noorsiah memberi templat penulisan artikel sebagai rujukan. ● Temubual bersama artis veteran di

	PPR Laksamana, Kuala Lumpur	kediaman beliau.
16 Disember 2021 Ahad	2:00 - 2:50 petang BK 2	<ul style="list-style-type: none"> ● Membimbing pelajar membuat transkrip.
20 Disember 2021 Isnin	9:15 pagi Telegram	<ul style="list-style-type: none"> ● Puan Siti Noorsiah menangguhkan tarikh penghantaran tugas.
5 Januari 2021 Rabu	8:00 - 5:59 petang U-future	<ul style="list-style-type: none"> ● Penghantaran transkrip softcopy dan hardcopy.

11.5 HASIL TANGKAPAN







